

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"BETA difahamkan, pada masa ini pun, UNISSA telah mula menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar antarabangsa, khususnya dari rantau Asia Tenggara. UNISSA dipilih sebagai destinasi untuk mengikuti pengajian Islam dan bahasa Arab, sama ada program jangka pendek mahupun jangka panjang. Ini adalah ciri dari kehebatan UNISSA."

- Titah Sempena Majlis Hafut Takharuj Ke-5 UNISSA pada 4 Muharram 1437 Hijrah / 17 Oktober 2015 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN orang-orang yang menyimpan emas dan peraknya yang tidak dikeluarkan zakatnya dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka gembiralah mereka dengan azab yang pedih."

- (Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At Taubah, ayat 34).

TAHUN 60 / BILANGAN 128

26 OKTOBER 2015 / 1437 محرم 13

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB) berkenan menerima pesambah daripada Majlis Perwakilan Pelajar ITB pada perasmian Pesta Konvo Kedua 2015 ITB.

Berangkat rasmikan Pesta Konvo ITB dan Taman ISLE

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Masri Osman

TUNGKU LINK, Sabtu, 24 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB) berkenan berangkat merasmikan Pesta Konvo Kedua 2015 ITB, iaitu salah acara tahunan bagi meraikan para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Kompleks Bangunan Fasa 3 ITB di sini dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman yang juga selaku Pengerusi Majlis ITB; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Ke muka 16 & 17

Tegakkan profesionalisme dan integriti

Oleh : Haniza Abdul Latif,
Hajah Norizan Mahal

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Pejabat Peguam Negara (PPN) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) digesa untuk terus bekerjasama dengan cara yang dinamik bagi memastikan mana-mana strategi pencegahan jenayah kekal *up-to-date* dan berkesan dalam memerangi jenayah di negara ini dengan memastikan keadilan ditadbir dengan saksama, cekap dan berkesan.

Peguam Negara, Yang Berhormat

Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh menegaskan perkara tersebut pada Majlis Perasmian Seminar 'Mempertingkatkan Profesionalisme dan Kecekapan Di Dalam Pendakwaan dan Penyiasatan Di Dalam Pentadbiran Keadilan' bertempat di Dewan Bankuet, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Menurut Yang Berhormat,

kepentingan profesionalisme dan integriti pejabat awam, terutamanya apabila menjalankan siasatan dan pendakwaan kerana ini adalah dua aspek yang sangat penting dalam sistem keadilan jenayah.

Tegasnya, pendakwa raya di PPN sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pelbagai peluang-peluang latihan dan juga telah memainkan peranan mereka dalam merangka undang-undang dalam mengawal salah laku di pejabat-pejabat awam, satu langkah yang diharap akan membantu dalam memelihara integriti di pejabat-pejabat awam.

Ke muka 32

Kebawah DYMM perkenankan pelantikan Pengerusi LKEB

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Timbalan Menteri Kewangan, Kementerin Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB).

Tarikh pelantikan berkenaan berkuat kuasa mulai hari Sabtu, 11 Muharram 1437 Hijrah bersamaan 24 Oktober 2015 Masihi.

Pemimpin wajib jalankan keadilan

Assalamu'alaikum
Warahmatullaahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

NEGARA Brunei Darussalam telah dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem pemerintahannya yang tersendiri. Sistem pemerintahan kita ini, Alhamdulillah, telah terbukti menghasilkan pembangunan dan berjaya mencipta keamanan, perpaduan dan kemakmuran.

Apakah yang lebih bermakna dan lebih dihayati oleh semua orang kalau bukan keamanan, perpaduan dan kemakmuran?

Kita telah pun menyaksikan, berapa banyak negara di dunia ini tidak berpeluang menikmati keamanan, perpaduan dan kemakmuran itu, kerana faktor-faktor tertentu. Tetapi kita Alhamdulillah, telah ditakdirkan dapat mencapainya tanpa sebarang masalah. Tinggal saja lagi, apakah kita mampu untuk terus memelihara dan mengekalkannya?

Di sinilah persoalan itu.

Ugama kita telah memberi pertunjuk, bahawa nikmat itu boleh kekal, tetapi masih saja tertakluk kepada *pembawaan* kita sendiri.

Allah mengurniakan nikmat, sementara kita berkewajipan mensyukurinya. Syukur itulah pemangkin segala nikmat dan keberkatan. Tanpa syukur, nikmat akan hakis, tidak dapat bertahan lama.

Bagaimanakah caranya bersyukur itu? Di samping mengucapkannya dengan lidah, kita juga dituntut untuk bersyukur melalui urustadhir di dalam kehidupan. Kerana itulah kita memerlukan kerajaan, dan dalam kerajaan itu pula terdapat jentera yang terdiri daripada para pemimpin dan pegawai-pegawai serta kakitangan di bawah mereka.

Di tangan merekalah, terutama para pemimpin, kewajipan untuk membawa negara ini menjalani amalan bersyukur, iaitu melalui pimpinan dan urustadhir mereka dalam kerajaan.

Salah satu dari ciri bersyukur itu ialah dengan melaksanakan keadilan.

Kerana keadilan adalah segala-galanya. Tanpa keadilan semua kebijakan akan jauh atau menarik diri daripada kita.

Oleh itu, satu peringatan perlu disebut di sini, bahawa sesiapa jua yang dilantik atau terpilih menjadi pemimpin, mereka itu adalah berkewajipan untuk menjalankan keadilan. Tempat tumpahnya keadilan ialah ke atas rakyat, bukan kepada diri sendiri. Adapun untuk kepentingan diri sendiri itu bukanlah keadilan tetapi kezaliman.

Sebab itulah kadang-kadang, bersedia mendengar suara orang di bawah, atau menerima idea-idea yang baik, atau keluhan atau rintihan mereka dapat dianggap sebagai



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Perlantikan-Perlantikan Baru.

ciri melaksanakan keadilan.

Dalam pada itu, mesti pula diingat, bahawa tafsiran keadilan itu bukanlah mengikutkan kata hati, tetapi mesti berpanduan lunas-lunas yang betul daripada ugama, undang-undang dan etika.

Selain itu, turut perlu difahami, bahawa kabinet adalah ibarat sebuah perahu dan para menteri pula adalah pekayuh-pekeyuhnya. Sebagai pekayuh, mereka adalah satu pasukan dan berperanan untuk pasukan, bukan untuk diri masing-masing.

Kerana itu, walaupun berlainan kementerian, namun mereka tetap di dalam satu pasukan yang mempunyai satu matlamat yang sama, iaitu untuk memakmurkan negara. Sebagai sifat satu pasukan, mereka diperlukan agar turut menyumbang atau sekurang-kurangnya menyokong apa-apa jua gagasan atau rancangan yang baik bagi sesebuah kementerian itu semata-mata bagi kebaikan negara.

Beta berharap, barisan pemimpin akan datang, tidaklah akan mengabaikan etika

berpasukan serta juga dikehendaki supaya bijak membuat perhitungan atau tafsiran mengenai sesuatu perkara yang ada kaitan dengan negara dan kerajaan.

Dengan bertawakal kepada Allah serta memohon pertunjuk-Nya, maka inilah beta umumkan rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan beberapa lantikan lain, seperti berikut :

1. Beta sendiri menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan juga Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.
2. Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).
3. Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
4. Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman sebagai Menteri Pendidikan.

Ke muka 5

Dari Sidang
Pengarang.

26 OKTOBER 2015 BERSAMAAN 1437 محرم 13

PEMIMPIN ADIL RAKYAT BAHAGIA

DALAM kehidupan berbangsa dan bernegara keadilan adalah amat penting. Perbuatan adil, tidak hanya merupakan idaman manusia, tetapi telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Agama Islam sendiri amat mengalakkan persamaan dan keadilan, sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala bersifat adil dan cintakan keadilan dan kasihkan orang yang bersifat adil dan antara asas yang sangat ditekankan dalam syariat Islam khususnya kepada semua manusia.

Banyak ayat di dalam Al-Qur'an yang menyeru kepada keadilan dan mencegah daripada bersifat zalim. Keadilan sendiri merupakan salah satu daripada tiga asas pegangan hidup dalam agama Islam, iaitu seiring dengan tauhid dan khilafah. Ia juga merangkumi kesemua aspek kehidupan termasuk ekonomi, sosial, politik, budaya dan lain-lain.

Menyentuh mengenai keadilan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah mengumumkan Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Perlantikan-Perlantikan Baru bagi sesi 2015-2020 menekankan terhadap keadilan. Titah baginda, "Di tangan merekalah, terutama para pemimpin, kewajipan untuk membawa negara ini menjalani amalan syukur, iaitu melalui pimpinan dan urustadhir mereka dalam kerajaan. Salah satu dari ciri bersyukur itu ialah dengan melaksanakan keadilan. Kerana keadilan adalah segala-galanya. Tanpa keadilan, semua kebijakan akan jauh atau menarik diri daripada kita."

Jika diamat-amati titah baginda ini, amat perlu dijadikan panduan yang baik bagi seseorang pemimpin akar umbi, tidak kira antara pemimpin dan rakyat, orang kaya dan miskin, suami dan isteri, mahupun ibu bapa dan anak-anak. Kerana menegakkan keadilan akan menciptakan kebaikan kepada sesiapa pun, manakala berbuat sebaliknya seperti kezaliman dan tidak amanah akan mengakibatkan malapetaka.

Di dalam Al-Qur'an menyatakan dengan jelas akan kedudukan sifat orang-orang yang zalim dan balasan kepada orang-orang zalim ialah neraka. Sebagaimana Dirwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim, "Barangsiapa yang diangkat oleh Allah untuk memimpin rakyatnya, kemudian ia tidak mencurahkan kesetiiaannya, maka Allah haramkan baginya syurga"

Apabila keadilan ditegakkan dalam semua aspek, maka terjaminlah keamanan dan ketenteraman di dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Dengan demikian keadilan adalah unsur yang penting untuk membina masyarakat yang adil dan makmur, atau dengan kata lain, masyarakat yang adil dan makmur tidak akan dapat diwujudkan jika keadilan tidak ditegakkan.

Dengan yang demikian, para pemimpin hari ini adalah wajar menjadikan Nabi junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seorang pemimpin yang mempunyai karisma luar biasa, pemimpin terbaik, negarawan teragung, pahlawan paling berani dan ahli politik yang paling pintar, untuk dijadikan contoh, sumber inspirasi dan pedoman. Baginda tidak pernah menindas mana-mana pihak. Bahkan baginda didekati dan dikasihi oleh semua pengikutnya tanpa mengira bangsa dan agama.

Dalam memutuskan apa-apa hukuman, baginda Sallallahu Alaihi Wasallam tidak sekali-kali terpengaruh oleh keadaan orang yang dihukumi, sama ada daripada kalangan keluarga, sahabat handai ataupun orang lain yang berbeza bangsa dan agama. Baginda adalah pemimpin transformasi terbaik yang berupaya menukar individu yang suka bermusuhan menjadi bersaudara, yang kejam menjadi amat berlembut, yang pemalas jadi rajin, yang kedekut menjadi pemurah, yang jahil menjadi berilmu dan banyak lagi yang boleh menjadi panduan dan tauladan kepada pemimpin-pemimpin hari ini.

Di bumi Brunei Darussalam ini sendiri, amat bertuah dikurniakan pemimpin yang adil, berpandangan jauh dan pemedulian terhadap semua kebijakan rakyat dan penduduknya dalam semua hal, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja dan ketua negara yang amat dikasihi seluruh rakyat dan penduduk.

Kesanggupan baginda untuk memegang tugas yang berat, iaitu menajut empat portfolio dalam pemerintah negara, iaitu sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, menunjukkan baginda adalah pemerintahan yang Baik (Good Governance), berwibawa dan berkarisma. Apa yang penting semua pemimpin yang dilantik dalam kabinet baru 2015-2020 secara langsung dan sebaliknya, wajib memberikan sokongan yang padu dalam membantu baginda dalam menerajui Negara Brunei Darussalam dengan penuh tanggungjawab, jujur lagi ikhlas dengan penuh taat lagi setia ke hadapan majlis baginda, agar negara ini akan terus dan kekal aman sejahtera, harmoni dan terus mencapai kemajuan. Amin!!!!..

- **KetuaPenyuntingan (Zs).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahrn Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahhmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Mohammad Rainie Haji Durani

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaedah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Slyvina Hon Zae Leena
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	24 °C	31 °C
32 °C	24 °C	32 °C
MUARA		
32 °C	24 °C	32 °C
32 °C	24 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	24 °C	31 °C
31 °C	24 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	31 °C	25 °C
32 °C	25 °C	25 °C
PEKAN SERIA		
31 °C	24 °C	31 °C
31 °C	24 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	24 °C	32 °C
32 °C	24 °C	25 °C
Wahlaalam Bissawab		
Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PERBURUHAN Telefon: 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

YTM berkenan berangkat ke seminar pertingkatkan profesionalisme

Oleh : Haniza Abdul Latif,
Hajah Norizan Mahal

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Bagi meningkatkan pentadbiran keadilan di Negara Brunei Darussalam dengan



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh semasa berucap dan merasmikan Seminar 'Meningkatkan Profesionalisme dan Kecekapan dalam Pendakwaan dan Penyiasatan di Pentadbiran Keadilan'.



PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam semasa memberi ucapan alu-aluan pada seminar berkenaan.

meningkatkan profesionalisme dalam pendakwaan dan penyiasatan kes-kes jenayah, Pejabat Peguam Negara (PPN) dengan anjuran bersama Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan Seminar 'Mempertingkatkan Profesionalisme dan Kecekapan Di Dalam Pendakwaan dan Penyiasatan Di Dalam Pentadbiran Keadilan' bertempat di Dewan Bankuet, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Berangkat ke seminar tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Perasmian seminar tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam antara lain berkata, sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab mana-mana pertubuhan polis adalah mencegah jenayah daripada berlaku, menyiasat jenayah yang dilaporkan, menangkap penjenayah-penjenayah dan mendakwa melalui pendakwa raya negara untuk mendapatkan pengadilan atas jenayah atau perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang negara.

Tambahnya, kedudukan, status, pendapatan bulanan atau ganjaran mahu pun kuasa tidak seharusnya dipandang sebagai keutamaan

tetapi ia adalah tentang berkhidmat kepada negara.

"Walaupun di negara ini jarang berlaku jenayah-jenayah yang serius namun itu bukan menjadi penghalang memulakan strategi untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalam bidang siasatan mengambil kira jenayah tradisional yang kini telah diambil-alih oleh jenayah dimensi baru seperti jenayah siber dan keganasan," ujarnya lagi.

Jelasnya lagi, pengalaman juga diperolehi daripada kerjasama dan perkongsian perisikan rapat dengan pertubuhan-pertubuhan polis yang lain melalui keahlian aktif dalam ASEANAPOL, Interpol, dan juga melalui MoU-MoU dengan organisasi lain.

Hakim Mahkamah Rayuan daripada Mahkamah Rayuan Hong Kong, Yang Amat Arif Andrew Macrae dan Timbalan Pengarah, Jabatan Siasatan Jenayah Pasukan Polis Singapura, AC Sekher Warriier dijemput sebagai penceramah pada seminar tersebut untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka mengenai penjalanan pendakwaan dan penyiasatan.



SPEAKER... Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Pasukan Polis Republik Singapura, AC Sekher Warriier.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menghadiri Seminar 'Meningkatkan Profesionalisme dan Kecekapan dalam Pendakwaan dan Penyiasatan di Pentadbiran Keadilan' bertempat di Dewan Bankuet, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong.

Yang Amat Arif Andrew Macrae dalam kertas pembentangannya antara lain mengongsikan pengalaman bagaimana pendakwaan boleh dibuat dengan lebih berkesan dan bagaimana pengurusan kes-kes boleh dibuat dengan cekap.

Selain itu, Yang Amat Arif turut membincangkan beberapa kaedah yang digunakan semasa membentangkan kes-kes pendakwaan ke mahkamah termasuk penggunaan wawancara video yang dirakamkan daripada defendan, dan penggunaan alat-alat seperti carta aliran dan gambar rajah.

Sementara itu, AC Sekher Warriier pula dalam kertas pembentangannya antara lain mengongsikan mengenai pendekatan Pasukan Polis Singapura untuk siasatan dan kaedah yang berbeza daripada siasatan yang digunakan dalam memastikan siasatan produktif dan berkualiti.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Mohd. Juanda bin Haji A.Rashid.

Seminar tersebut juga telah dihadiri oleh kira-kira 270 orang pegawai dan kakitangan dari PDB, PPN dan Agensi-agensi Penguatkuasaan Undang-undang.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah berkenan bergambar ramai pada seminar 'Meningkatkan Profesionalisme dan Kecekapan dalam Pendakwaan dan Penyiasatan di Pentadbiran Keadilan'.

Pameran Fotografi Hubungan Istimewa Brunei - Singapura di Kementerian Kewangan

Berita dan Foto : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), baru-baru ini telah dijemput untuk menyertai Pameran Fotografi yang bertemakan 'Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura : Hubungan Istimewa' di Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan pada 5 hingga 20 Oktober 2015 yang lalu.

Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean yang juga Menteri Koordinasi bagi Keselamatan Nasional yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Muzium-Muzium dan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini.

Antara bahan-bahan yang AMBD pameran adalah plak Matawang Kertas Kenang-Kenangan sempena Ulang Tahun Ke-40 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang (CIA) di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura pada tahun 2007 berserta dengan beberapa set wang kertas kenang-kenangan dan ingot perak yang telah dikeluarkan

bagi memperingati ulang tahun berkenaan.

Perjanjian mata wang yang telah terjalin sejak tahun 1967 ini, adalah merupakan salah satu asas utama hubungan erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, dan akan menyambut ulang tahunnya Ke-50 pada tahun 2017 nanti. Perjanjian ini menetapkan bahawa mata wang Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura adalah diterima sebagai *customary tender* di negara masing-masing oleh autoriti-autoriti monetari dan bank-bank dengan nilai yang sama tanpa caj.

Sehubungan dengan itu, bagi orang ramai yang tidak berkesempatan menyaksikan pameran tersebut pada 5 - 20 Oktober lepas, kini boleh menyaksikan Pameran sempena Ulang Tahun Ke-40 CIA tersebut juga di Galeri Matawang AMBD di Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive yang akan terus mempamerkan bahan-bahan pameran kenangan tersebut di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Selain itu, beberapa jenis koleksi mata wang dari permulaan sejarah mata wang Brunei serta wang syiling dan wang kertas *uncut* kenang-kenangan juga turut dipamerkan, di samping mata



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large bersama Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean yang juga Menteri Koordinasi bagi Keselamatan Nasional menyaksikan Pameran Fotografi yang bertemakan 'Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura : Hubungan Istimewa' di Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan pada 5 Oktober 2015 yang lalu.

wang kertas dan duit syiling kenang-kenangan sempena memperingati hari-hari kebesaran tertentu di negara ini yang juga dijual

kepada orang ramai.

Galeri ini dibuka kepada orang ramai dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan

2.00 hingga 4.30 petang kecuali pada hari Jumaat dari pukul 8.30 hingga 11.00 pagi dan 3.00 hingga 4.00 petang.

ALAWMM bincang kemajuan perundangan ASEAN

Berita dan Foto : Ihsan Jabatan Peguam Negara



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh bersama delegasi dari Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri Mesyuarat Menteri Undang-Undang ASEAN (ALAWMM) Ke-9 di Bali, Republik Indonesia.

REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 22 Oktober. - Mesyuarat Menteri Undang-Undang ASEAN (ASEAN Law Ministers Meeting - ALAWMM) Ke-9 yang berlangsung di Bali telah mengambil perhatian terhadap kemajuan bidang kerja undang-undang sejak pertemuan terakhir mereka di Phnom Penh, Kemboja pada tahun 2011 khususnya bidang tugas yang telah dilaksanakan pada Mesyuarat Pegawai Kanan Undang-Undang ASEAN (ASEAN Senior Law Officers Meeting - ASLOM) serta kumpulan-kumpulan kerja berkaitan mengenai Kajian Modus bagi Keharmonian Undang-Undang Perdagangan ASEAN.

Mesyuarat tersebut juga memperkukuhkan Bantuan Kehakiman di bidang Komersial

dan Awam dalam kalangan anggota ASEAN dan Kumpulan Kerja Model Perjanjian Ekstradisi ASEAN.

Negara Brunei Darussalam pada mesyuarat tersebut dihadiri oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Yusoff bin Haji Abdul Rahman.

ALAWMM Ke-9 didahului dengan ASLOM Ke-16 pada 19 hingga 20 Oktober 2015 yang mana Negara Brunei Darussalam pada mesyuarat tersebut diketuai oleh Penolong Peguamcara Negara, Awang Haji

Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

ALAWMM Ke-9 dirasmikan oleh Naib Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Muhammad Jusuf Kalla, diikuti dengan Sesi Plenari ALAWMM Ke-9. Mesyuarat dihadiri oleh Menteri Undang-Undang dari negara anggota ASEAN dan Timbalan Setiausaha Jeneral ASEAN.

Dalam isu berkaitan dengan jenayah menyeberangi sempadan, mesyuarat bersetuju untuk menanganinya dan meneruskan kerja untuk melaksanakan satu rangka kerja undang-undang dalam meningkatkan kerjasama mengenai isu penyerahan serta melalui usaha-usaha kolektif oleh negara anggota ASEAN ke arah meluaskan bantuan undang-undang bersama di antara satu sama lain dengan penguatkuasaan Perjanjian Bantuan

Undang-Undang Bersama.

Mesyuarat tersebut juga mengambil maklum terhadap pembaharuan pelaksanaan pelbagai inisiatif ALAWMM seperti Direktori Undang-Undang Kerajaan ASEAN; Autoriti Maklumat Perundangan ASEAN (ASEAN Legal Information Authority - ALIA); Program Pegawai Perundangan Kerajaan ASEAN (AGLOP) dan pertukaran lawatan sambil belajar.

Ketika ASEAN menghampiri peristiwa penting tahun ini dengan penubuhan Komuniti ASEAN 2015, para menteri undang-undang juga menyedari pentingnya ASLOM dan ALAWMM meneruskan kerja dan sumbangannya bagi mengukuhkan rangka kerja institusi dan undang-undang ASEAN dan negara anggotanya yang bertujuan bagi mengubah ASEAN kepada masyarakat yang lebih berasaskan undang-undang.

Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati dalam kenyataannya menekankan kepentingan tugas ALAWMM bagi memberikan kesedaran mengenai Komuniti ASEAN 2015.

Dalam hubungan ini, ALAWMM, tegasnya, perlu meneruskan usahanya dengan terus meneroka kawasan-kawasan yang menjadi kepentingan bersama yang menyeru kepada kerjasama perundangan atau penubuhan rangka kerja menurut undang-undang serantau.

"Kerjasama erat dan penyelarasan dengan badan-badan sektoral ASEAN yang lain dan entiti berkaitan dengan ASEAN termasuk Persatuan

Undang-Undang ASEAN (ALA) adalah wajar bagi mencapai objektif ASEAN ke arah pengukuhan kedaulatan undang-undang, sistem perundangan dan infrastruktur undang-undang yang sah," ujarnya.

Berhubung dengan liberalisasi sektor perkhidmatan guaman di ASEAN, Yang Berhormat juga menekankan kepentingan ALAWMM untuk mengemas kini perkembangannya khususnya mengenai dasar-dasar, undang-undang dan peraturan negara anggota ASEAN.

Objektif utama ALAWMM dan ASLOM ialah untuk menggalakkan kesalingfahaman serta memahami pelbagai sistem perundangan dalam kalangan negara anggota ASEAN berdasarkan keinginan untuk terus bekerjasama dalam perundangan dan kehakiman dalam rantau ASEAN.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam ASEAN melalui pelbagai inisiatif seperti penyelarasan undang-undang perdagangan, Direktori Undang-Undang Kerajaan ASEAN dan Autoriti Maklumat Perundangan ASEAN (ASEAN Legal Information Authority - ALIA), di samping pertukaran lawatan sambil belajar dalam kalangan pegawai perundangan negara anggota ASEAN bagi mengukuhkan rangkaian profesional dalam ASEAN.

ALAWMM bermesyuarat setiap tiga tahun, sementara ASLOM diadakan setiap 18 bulan bagi mengkaji semula kemajuan inisiatif-inisiatif di bawah skop mesyuarat-mesyuarat berkenaan.

Sambutan awal tahun baharu Hijrah bersemarak



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong HADIR selaku tetamu kehormat pada Sambutan Awal Tahun Baharu 1437 Hijrah / 2015 Masihi

Oleh : Nurul Nadzirah Haji Mahadin
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Kementerian Pendidikan mengadakan Sambutan Awal Tahun Baharu 1437 Hijrah / 2015 Masihi yang berlangsung petang tadi di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Pada majlis tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat. Majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Pengorbanan Menuju Yang Terbaik' oleh Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad yang antara lain menghuraikan bahawa hijrah itu bukan sahaja mengenai perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke

Madinah, tetapi hijrah itu juga membawa impak kepada kerajaan dan agama Islam yang telah wujud sehingga ke hari ini. Tambahnya, pengorbanan untuk merealisasikan hijrah dalam usaha bagi membangun sebuah kerajaan Islam bukanlah perkara yang mudah. Ini berkaitan dengan pelbagai dugaan dan pengorbanan yang telah dihadapi oleh Baginda Rasulullah demi menegakkan agama Islam daripada para kaum yang tidak bersetuju dengan agama Islam. Ia adalah pengorbanan yang wajib dihargai, ujarinya, apabila kita melihat apa sahaja perkara ataupun peristiwa yang terjadi semasa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam semasa

mula-mula menyebarkan ajaran agama Islam. Selain itu, hijrah juga disebut sebagai perubahan atau transformasi ke arah yang sudah baik kepada yang lebih baik. Tambahan lagi, dalam misi bagi mencapai perubahan tersebut, ia memerlukan pengorbanan yang juga dikaitkan dengan Wawasan 2035 negara ini. Oleh itu, bagi mencapai sesuatu wawasan, jika tidak ada perpaduan dan pengorbanan, sesuatu perkara itu tidak akan menjadi mudah. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah, Pengiran Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marzuki. Seterusnya, persembahan tausyeh daripada mahasiswa UNISSA yang turut menyenikan majlis. Kemudian, majlis disusuli dengan

penyampaian sumbangan derma kepada sembilan orang saudara baharu yang terdiri daripada guru-guru dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta pendidikan swasta yang memeluk agama Islam bagi Tahun 1436H - 1437H. Doa Selamat dibacakan pada akhir majlis berkenaan. Majlis Sambutan Awal Tahun 1437H merupakan acara tahunan Kementerian Pendidikan bagi menyemarakkan dan memperingati hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Di samping itu, ia juga diadakan bagi memupuk semangat kerjasama dan ukhuwah dalam kalangan warga kementerian berkenaan dan juga pendidikan swasta sekali gus membina kesedaran ummah dalam membangun sebuah negara Islam yang kukuh dan disegani sesuai dengan tema Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437,



CERAMAH Khas bertajuk 'Pengorbanan Menuju Yang Terbaik' oleh Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

HASRAT NEGARA

Pemimpin wajib jalankan keadilan

Dari muka 2

5. Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim sebagai Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua). 6. Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng sebagai Menteri di JPM dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua). 7. Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar sebagai Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM. 8. Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama. 9. Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah sebagai Menteri Pembangunan. 10. Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong sebagai Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. 11. Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat sebagai Menteri Perhubungan. 12. Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd.

Yussof sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. 13. Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi sebagai Menteri Kesihatan. 14. Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Abu Bakar sebagai Timbalan Menteri di JPM. 15. Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud sebagai Timbalan Menteri di JPM. 16. Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Mohd. Tamit sebagai Timbalan Menteri Pertahanan. 17. Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah sebagai Timbalan Menteri Kewangan. 18. Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah sebagai Timbalan Menteri Kewangan. 19. Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. 20. Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar sebagai Timbalan Menteri Pendidikan; 21. Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan

22. Dato Paduka Awang Haji Suhaيمي bin Haji Gafar sebagai Timbalan Menteri Pembangunan. Pelantikan adalah bermula daripada hari ini, Khamis, 9hb Muharram 1437 bersamaan dengan 22hb Oktober 2015 bagi tempoh selama lima tahun. Beta dengan ini juga sukacita maklumkan bahawasanya jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri. Perlu beta ingatkan bahawa lantikan-lantikan ini adalah amanah. Amanah itu sifatnya adalah sangat berat, kerana ianya merangkumi tugas dan kewajipan bagi menegakkan keadilan. Ke arah itu, ianya perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab, jujur lagi ikhlas dengan penuh taat lagi setia. Untuk akhirnya, beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang tidak lagi dilantik di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran pahala serta kebahagiaan yang berterusan. Sekian, Wabillahir Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Forum berkaitan isu-isu kecelaruan mental

TUTONG, Khamis, 22 Oktober. - Kementerian Kesihatan menganjurkan Forum Kesihatan Mental dengan tema 'Dignity in Mental Health' atau 'Maruah Dalam Kesihatan Mental' yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong yang dihadiri oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, selaku tetamu kehormat. Forum tersebut merupakan kesinambungan kepada Forum Kesihatan Mental yang telah diadakan di Daerah Brunei dan Muara pada 31 Januari 2013, Daerah Temburong pada 4 Mei 2013 dan Daerah Belait pada 1 Mac 2014. Tema forum tahun ini merangkumi isu-isu yang berkaitan dengan pemedulian orang-orang yang mempunyai kecelaruan mental seperti isu diskriminasi atau stigma dan tanggapan negatif terhadap penyakit mental. Sekiranya stigma dan diskriminasi dapat dikurangkan atau diatasi orang yang mempunyai kecelaruan mental akan dapat peluang untuk pulih dengan cepat dan memenuhi potensi mereka untuk mempunyai kehidupan yang lebih bermakna dan pada masa yang sama hidup dengan penyakit mental yang mereka hadapi. Dengan adanya Forum Kesihatan Mental seperti ini diharap akan dapat memberikan kefahaman dan kesedaran kepada orang ramai khususnya bagi mereka yang berada di Daerah Tutong mengenai isu-isu yang berkaitan dengan penjagaan dan pemedulian orang yang mempunyai kecelaruan mental. Kementerian Kesihatan, melalui Jabatan Psikiatri telah mengeluarkan Perintah Kesihatan Mental 2014 baru pada 1 November 2014 dan telah menggariskan undang-undang mengenai keadilan dan tidak mendiskriminasikan orang yang mempunyai kecelaruan mental dan sepatutnya dilayan dengan baik dan penuh hormat seperti pesakit atau komuniti yang lain. Empat panel undangan yang tiga daripadanya terdiri daripada pelbagai profesional kesihatan, iaitu Konsultan Psikiatri dan Ketua Jabatan Psikiatri, Dr. Hilda Ho; Jururawat Perkhidmatan Komuniti Psikiatri, Awang Haji Amir bin Haji Ismail; Jurupulih Cara Kerja dari Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Nurhamizah binti Haji Awang dan seorang Pegawai Kaunseling dari Jabatan Perkhidmatan Awam akan menyampaikan taklimat masing-masing pada Majlis Forum Kesihatan tersebut.

Kementerian Pembangunan serikan sambutan Awal Tahun Hijrah 1437



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 yang telah diadakan di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

Tahun Hijrah 1437 yang telah diadakan di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan, di sini.

Majlis kegiatan keagamaan merupakan aktiviti tahunan kementerian ini dihadiri oleh Yang

BERAKAS, Khamis, 22 Oktober. - jabatan-jabatan di bawahnya Kementerian Pembangunan dan mengadakan Majlis Sambutan Awal



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang hadir.

Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan persembahan tausiyah bertajuk 'Taubat Seorang Hamba' yang disampaikan oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis juga diserikan dengan ceramah bertajuk 'Islam Agama Allah dari Dahulu hingga Sekarang' yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah yang antara lain berkisarkan mengenai sejarah serta ajaran Islam dan sunnah-sunnah

Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan digalakkan kepada umat Islam untuk sentiasa beramal dan taat kepada perintah Allah semata-mata untuk mendapatkan ganjaran serta rahmat Allah di dunia dan akhirat.

Turut hadir pada majlis tersebut Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Shahrom bin Haji Suhaimi; Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Pengiran Kamis bin Pengiran Metamin; ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

MAJLIS juga diserikan dengan ceramah bertajuk 'Islam Agama Allah dari Dahulu hingga Sekarang' yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah yang antara lain berkisarkan mengenai sejarah serta ajaran Islam dan sunnah-sunnah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan digalakkan kepada umat Islam untuk sentiasa beramal dan taat kepada perintah Allah semata-mata untuk mendapatkan ganjaran serta rahmat Allah di dunia dan akhirat.



CERAMAH disampaikan oleh Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah bertajuk 'Taubat Seorang Hamba'.

PDB, Pengawasan Kejiranan bersama cegah jenayah



GABUNGAN Pengawasan Kejiranan dan anggota Balai Polis Bangar menjalankan rondaan.

TEMBURONG. - Seramai 16 ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Bokok, Kampung Meniup, Kampung Bekarut, Kampung Simbatang dan Kampung Paya Begangan berserta 12 anggota Daerah Polis Temburong dan Balai Polis Bangar mengadakan aktiviti pencegahan jenayah di persekitaran kampung-kampung berkenaan.

Aktiviti pada 22 Oktober lalu itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Kampung Bokok selaku Pengerusi Pengawasan Kejiranan, Awang Haji Jaman bin Haji Arsat.

Taklimat ringkas Pelaksanaan Peroperasian dan Keselamatan juga disampaikan oleh Penolong Penguasa Polis Pengiran Anak Azanuddin Aman Shah bin Pengiran Anak Ismail Al-Haj, Pegawai Penguasa Balai Polis Bangar

kepada Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan yang hadir di Dewan bekas Sekolah Rendah Bokok, Temburong.

Turut hadir ialah Penghulu Mukim Bokok, Awang Haji Embran bin Haji Sabtu, selaku Penasihat Pengawasan Kejiranan di Mukim tersebut dan Ketua Kampung Lepong Baru, Awang Ambol anak Bakit.

Rondaan berkenderaan dan berjalan kaki digiatkan di kawasan kejiranan berkenaan, operasi sekatan jalan raya dan penahanan dan pemeriksaan juga diadakan dalam aktiviti itu.

Rondaan bersama mewujudkan kesepaduan anak-anak buah kampung dalam sama-sama menjaga keselamatan kawasan kejiranan mereka dari sebarang perlakuan jenayah dan untuk menjamin suasana yang aman demi kesejahteraan hidup berjiran.

Hijrah perubahan *mindset* umat Islam



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir pada majlis Majlis Forum Hijrah sempena Sambutan Awal Tahun 1437 Hijrah Peringkat Negara di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masamaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dari Makkah Al-Mukaramah ke Madinatul

Munawwarrah telah dapat melahirkan satu umat yang bersatu padu, umat yang bersaudara, umat yang dihormati dan menjadi contoh bahkan dapat melahirkan kemakmuran yang dinikmati oleh semua lapisan masyarakat secara adil dan saksama. Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam juga merupakan titik tolak ke arah penghijrahan ataupun minda umat Islam ketika itu dan satu penghijrahan minda, iaitu *mindset* umat Islam ketika ini ialah yang dari menunggu-nunggu dan berpeluk tubuh pada rajin bekerja ataupun dari bergantung pada lebih banyak menggandakan usaha.

Perkara ini antara yang dibincangkan pada Majlis Forum Hijrah sempena Sambutan Awal Tahun 1437 Hijrah Peringkat Negara bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas, pagi ini, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri

Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Tiga orang ahli panel telah diundang bagi membincangkan forum yang mengetengahkan tema majlis sambutan tahun ini, iaitu 'Berhijrah untuk Membangun'.

Para ahli panel terdiri daripada Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya; Ketua Pegawai Penyelidikan Ugama, Jabatan Mufti Kerjaan, Dr. Haji Maznan bin Haji Yusof dan Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Datin Dr. Hajah Mariah binti Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Forum dipengerusikan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Rosli bin Haji Mohd. Salleh.

Forum berkenaan menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun 1437 Hijrah Peringkat Negara yang bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat dalam mengetahui pelbagai aspek kehidupan menurut ajaran Islam serta menambah ilmu pengetahuan dan mencambah fikiran khusus mengenai tajuk yang dibincangkan.

Melalui perbincangan tersebut diharap pihak individu akan dapat menghayati dan merealisasikan tema sambutan dalam kehidupan seharian mereka.

Selain itu, forum juga adalah sebagai salah satu laluan bagi mewujudkan kerjasama di dalam perkara berkebakikan yang dapat menyebarkan lagi syiar Islam di negara ini.

Forum diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir di keempat-empat daerah dan tahun ini forum diadakan di Daerah Brunei dan Muara.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga hadir pada majlis tersebut.



PARA ahli panel terdiri daripada Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya (dua dari kanan); Ketua Pegawai Penyelidikan Ugama, Jabatan Mufti Kerjaan, Dr. Haji Maznan bin Haji Yusof (dua dari kiri) dan Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Datin Dr. Hajah Mariah binti Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim (kanan) dan forum dipengerusikan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Rosli bin Haji Mohd. Salleh (kiri).

Majikan dan pekerja diingatkan mengenai keselamatan

TUTONG, Khamis, 22 Oktober. - Jabatan Buruh terus membarigakan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 dan Peraturan-peraturan di bawahnya sekali gus untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan perintah tersebut.

Majlis Jerayawara mengenai perintah itu diadakan di Dewan Utama, Pekan Tutong.

Adalah disarankan dengan adanya majlis itu akan dapat memberikan pihak kerajaan, majikan dan pekerja untuk meningkatkan lagi budaya keselamatan dan kesihatan tempat kerja dengan sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan di persekitaran tempat kerja bagi mengelakkan sebarang kemalangan yang tidak diingini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diteruskan dengan mendengarkan taklimat mengenai Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 dan Peraturan-peraturan di bawahnya yang disampaikan oleh Pemeriksa Buruh Kanan di Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, Jabatan Buruh, Dayang Nur Aqilah binti Haji Muhammad dan seterusnya disusuli dengan sesi soal jawab.

Hadir termasuklah pegawai-pegawai kanan Jabatan Buruh dari Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, juga hadir ialah 33 orang wakil dari Jabatan-jabatan Kerajaan Cawangan Daerah Tutong dan 58 orang majikan syarikat swasta yang menjalankan kegiatan pembinaan di daerah itu.

TechXpo tampilkan vendor tempatan dan antarabangsa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kira-kira 150 penyertaan terdiri daripada beberapa agensi seperti e-Darussalam, pengambilan PSC, Jobcentre Brunei, Bru-HIMS, Talian Darussalam 123, Pendaftar Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, GeoPortal, e-Sikap, Penomboran Rumah, WX online JPD Brunei, iFlyBrunei menyertai TechXpo yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ekspo yang bermula 22 hingga 25 Oktober menampilkan vendor tempatan dan antarabangsa, yang dibuka setiap hari bermula pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Jumaat akan ditutup sementara mulai pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.00 petang.

Majlis perasmian ekspo tersebut disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pagi tadi.

Salah satu acara kemuncak TechXpo tahun ini adalah *gov.bn island* yang terdiri daripada beberapa agensi kementerian yang bekerjasama dan bergabung bersama-sama dalam mempamerkan dan menawarkan e-Perkhidmatan kerajaan.

Sebagai kementerian yang mendukung ekspo berkenaan, Kementerian Perhubungan juga mempamerkan perkembangan dan inisiatif dasar yang menyokong visi dan misi ke arah masyarakat SMART.

Ke arah merealisasikan visi ini menuju sebuah masyarakat SMART adalah penyediaan kemudahan teknologi dan ketersediaan perkhidmatan dalam talian di mana sahaja, bila-bila masa sahaja untuk kemudahan awam.

Kementerian Perhubungan juga mempamerkan perkhidmatan selain daripada yang ditawarkan melalui *gov.bn* talian seperti Mail Track Jabatan Perkhidmatan Pos dan sistem Trace; aplikasi yang boleh dimuat turun seperti yang ditawarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (SiKAP), Jabatan Meteorologi (Brunei WX dan MCX Crowd), Jabatan Penerbangan Awam (iFlyBrunei) dan juga perkhidmatan dalam talian lain yang tersedia ada melalui laman sesawang jabatan masing-masing.

Pavilion juga akan mempamerkan statistik tentang penggunaan talian bagi Perkhidmatan Awam yang menandakan peningkatan dalam pelanggan *techno-savvy* di negara ini.

Pelajar Maraton Eco dari Universiti Brunei Darussalam (UBD)



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika merasmikan TechXpo 2015 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

yang baru-baru ini telah mengambil bahagian dalam Shell Eco-Maraton Asia 2015 di Manila mempamerkan dua buah kereta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan Nakhoda dan Mutiara.

TechXpo 2015 juga memberi peluang orang ramai untuk mengambil bahagian dalam aktiviti dan acara dan akan memenangi banyak hadiah.

Dalam Kejohanan Permainan Siber, pemain bersaing antara satu sama lain



YANG Berhormat semasa menyaksikan pameran pada TechXpo 2015 tersebut.

dalam tiga perlawanan popular, iaitu League of Legends, Dota 2, Counter Strike, Global Offence dan akan berpeluang untuk menerima pelbagai hadiah.

Orang ramai berpeluang memilih untuk memasuki ke dalam dunia 3D pilihan mereka dengan bermain permainan realiti maya. Selain itu, mereka juga boleh menyertai cabutan bertuah dan pertandingan foto Instragam di mana mereka boleh mendapat peluang untuk memenangi hadiah-hadiah yang terdiri daripada wang tunai dan barangan eksklusif TechXpo.

Acara ini dianjurkan oleh Federasi

InfoCom Brunei (IFB), yang diuruskan oleh D'Sunlit Sdn Bhd dan disokong oleh Kementerian Perhubungan dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI).

Turut hadir ialah Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi-Pesuruhjaya Tinggi, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; Pengerusi IFB, Sheikh Haji Abas bin Sheikh Mohamad; Pengarah Eksekutif, Dato Paduka Haji Daniah bin Haji Hanafiah, selaku Pengurus acara D'Sunlit Sdn Bhd, dan Pengarah Urusan D'Sunlit Sdn Bhd, Jackson Ting.



SUASANA TechXpo 2015 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas, bawah dan bawah kanan).



MoU pengeluaran makanan halal dimeterai

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan AZ Food (B) Sdn. Bhd. dan Syarikat Catering and International Trading (CIT) dari Tunisia untuk melabur dalam pengeluaran makanan halal dan kemudahan eksport di negara ini.

Projek itu akan menggunakan teknologi pensterilan yang dipatenkan dari Itali dan disediakan oleh SMC Technologies dalam usaha negara ini untuk mempelbagaikan ekonomi dan berubah menjadi hab pengeluaran makanan halal yang berdaya saing di rantau ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi LKEB.

Menandatangani bagi pihak LKEB ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Dayang Haji Hasnah binti Haji Ibrahim, sementara pihak Syarikat CIT diwakili oleh Pengerusi syarikat tersebut, Mr. Albdelbaset M. Abid dan Pengarah Urusan, Mr. Ali Ghammagui.

Manakala, mewakili AZ Food (B) Sdn. Bhd. ialah Pengerusi syarikat tersebut, Shaikh Khalid Shaikh Haji Ahmad.

Juga menyaksikan penandatanganan ialah Pengarah Urusan SMC Technologies selaku rakan kongsi CIT Technology, Mr. Amedeo Pagotto.

Terdahulu itu, dalam ucapan aluan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Dayang Hajah Hasnah antara lain berkata, projek tersebut akan mewujudkan salah satu kemudahan pengeluaran makanan di negara ini yang paling canggih.

Beliau seterusnya menekankan bahawa objektif dan hasil projek adalah selaras dengan aspirasi Negara



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei semasa bergambar ramai selepas penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Brunei Darussalam untuk mencapai sara diri yang lebih besar dalam bekalan makanan dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi serantau yang kompetitif untuk pengeluaran makanan yang berkualiti.

Kemudahan itu akan mengendalikan proses pengeluaran makanan siap halal 'end-to-end', dari penyediaan makanan dengan bahan-bahan mentah dari sumber tempatan, sehingga ke pembuatan bahan pembungkusan dan

pemasangan mesin layan diri (*vending machines*).

Makanan yang dibungkus akan mempunyai jangka hayat 24 bulan bertujuan untuk dieksport ke pasaran di ASEAN dan seterusnya diedarkan melalui 'vending machines' dan kedai-kedai runcit.

Selain itu, jangka hayat panjang produk tersebut berjaya dilaksanakan melalui penggunaan pembungkusan plastik mesra alam khas yang

membolehkan ia disimpan tanpa penyejukan.

Kemudahan pengeluaran yang dicadangkan itu dijangka akan memulakan pembinaan pada suku ketiga tahun 2016 dan siap sepenuhnya menjelang suku keempat tahun 2017.

Di samping menyediakan tapak infrastruktur seluas 4.48 hektar di Taman Perindustrian Salambigar, LKEB akan terus memudahkan dan menyokong projek ini ke arah pelaksanaan yang berjaya, melalui kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan utama dan agensi-agensi kerajaan.

Pembangunan pengeluaran makanan halal dan kemudahan eksport

sebanyak BND90 juta dijangka mewujudkan 206 pekerjaan baharu yang akan dapat menjana pendapatan eksport bagi Negara Brunei Darussalam, membolehkan pemindahan teknologi dan kemahiran kepada penduduk tempatan dan mewujudkan peluang perniagaan bagi PKS tempatan.

Projek tersebut akan mengesahkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan asing, termasuk dalam pengeluaran dan eksport makanan halal yang mana secara keseluruhan, ia akan dapat menjana peningkatan aktiviti ekonomi di negara ini dan memudahkan ke arah mencapai Wawasan 2035.

Mangsa kebakaran Kampung Puduk terima sumbangan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - Salah satu tujuan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam bidang kebajikan ialah memberikan pemedulian dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah kebakaran rumah dan lain-lain.

Bantuan tersebut dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, YSHHB memberikan sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND34,100 kepada 16 buah keluarga terdiri daripada 47 ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah pada 20 Oktober 2015 di Kampung Puduk, Mukim Kota Batu.

Hadir menyampaikan sumbangan derma tersebut ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail, berlangung di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

Selain itu, YSHHB juga

menghulurkan sumbangan dalam bentuk kupon bagi pembelian buku-buku dan peralatan sekolah keseluruhannya berjumlah BND1,050 kepada mangsa-mangsa kebakaran tersebut, iaitu seramai 10 orang pelajar yang menuntut di sekolah rendah dan menengah.

Mengimbas kembali kejadian yang berlaku pada petang Selasa itu, kebakaran tersebut telah meranapkan empat buah rumah yang mana pihak bomba telah menerima panggilan kecemasan pada kira-kira pukul 3.19 minit petang.

Dalam temu bual bersama salah seorang mangsa kebakaran, Awang Haji Ambran bin Haji Ossen, menceritakan bahawa semasa kejadian tersebut, beliau sedang duduk di pantaran rumahnya dan mula menyedari mengenai kebakaran tersebut apabila terdengar bunyi letupan dari belakang rumah dan kepulan asap hitam terus merebak pantas.

Beliau bergegas berlari ke belakang dan mendapati sebahagian rumahnya,

iaitu dari belakang dapur telah dijilat api yang cepat merebak dari rumah jiran sebelah.

Semasa kejadian tersebut, hanya beliau dan ibunya bersama seorang menantunya berada di rumah, manakala dua orang anaknya masih bekerja dan seterusnya bersyukur kerana semua ahli keluarganya selamat.

Menurut Awang Haji Ambran lagi, beliau hanya sempat menyelamatkan dokumen-dokumen penting, manakala harta benda yang lain semuanya ranap dijilat api.

Beliau telah mendiami rumah tersebut hampir 40 tahun dan tinggal bersama ibu berserta anak-anak dan cucunya, dan kini beliau sekeluarga menumpang sementara di rumah saudaranya di kampung berkenaan.

YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyampaikan sumbangan kewangan kepada mangsa-mangsa kebakaran rumah di Kampung Puduk.

Keprihatinan YSHHB dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya dalam membantu

mereka yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan adalah selaras dengan dasar penubuhannya

AMRDPE bincang atasi kemiskinan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (lima dari kanan) dalam sesi bergambar ramai semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-9 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan dan Mesyuarat Berkaitan (AMRDPE 9).

BANDAR SERI BEGAWAN. - Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-9 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan dan Mesyuarat Berkaitan (ASEAN Ministerial Meeting on Rural Development and Poverty Eradication - AMRDPE 9) telah sepakat membincangkan dan menerima pakai pada dasar Pelan Tindakan Rangka Kerja Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan 2016 - 2020.

Selain itu, mesyuarat juga telah menyatakan penghargaan kepada negara-negara anggota dan Sekretariat ASEAN dengan usaha yang lebih besar dalam mengukuhkan inisiatif merentas pembasmian di peringkat tempatan, kebangsaan dan serantau melalui mekanisme penyelarasan yang lebih baik, kepaduan dasar dan berkesan program dan tindakan RDPE.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), mesyuarat itu juga menegaskan Forum ASEAN mengenai RDPE diteruskan sebagai platform tetap untuk dialog dan perkongsian maklumat dalam kalangan kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) / organisasi masyarakat sivil dan kemasukan swasta ke arah hubungan yang lebih erat dan kerjasama dalam berkongsi agenda RDPE.

Negara Brunei Darussalam di mesyuarat itu diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ia diadakan selama lima hari dari 13 hingga 17 Oktober 2015 dengan tema 'Orang Ramai, Perkongsian Awam dan Swasta (4P) bagi Pasca Pembangunan



DAYANG Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir (tengah) ketika hadir pada Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Ke-12 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE) pada 13 dan 14 Oktober lalu.

Mampan 2015 di ASEAN'.

AMRDPE 9 telah diadakan di Vientiane, Lao pada 17 Oktober lalu yang diadului dengan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Ke-12 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (Senior Official Meeting on Rural Development and Poverty Eradication - SOMRDPE) pada 13 hingga 14 Oktober dan Mesyuarat Pegawai Kanan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN 8 +3 (SOMRDPE 8 +3) pada 14 Oktober lalu.

AMRDPE 9 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Republik

Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongsing Thammavong, di Dewan Nasional Kebudayaan Lao, Vientiane, Lao PDR.

Mesyuarat tersebut telah diadakan dalam sesi pleno, ia memberi ruang kepada Negara Brunei Darussalam dan negara-negara anggota ASEAN lain untuk menumpukan perhatian mereka kepada kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan Rangka Kerja RDPE dari 2011 - 2015 dan Pelan Tindakan rangka kerja Pembangunan ASEAN mengenai RDPE 2016 - 2020.

Forum RDPE ASEAN Ke-4 telah diadakan kembali dengan AMRDPE 9 dan antara panel penceramah termasuk

Presiden Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof.

Anugerah Kedua Kepimpinan RDPE ASEAN telah diadakan pada malam gala.

Bagi Negara Brunei Darussalam anugerah itu telah diberikan kepada Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam yang telah disampaikan oleh Menteri di Pejabat Kerajaan, Tuan Yang Terutama Bounheuang Douangphachanh, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelopor Negara bagi RDPE dan Setiausaha Agung ASEAN,

Tuan Yang Terutama Le Luong Minh. Anugerah yang diberikan adalah berasaskan peranan penting mereka dan sebagai NGOs contoh dalam membela nasib serta kebajikan masyarakat, dalam membolehkan masyarakat tempatan untuk berkembang dan seterusnya menjadi ahli masyarakat yang produktif.

AMRDPE Ke-10 seterusnya akan dihoskan oleh Malaysia pada tahun 2017.

Mesyuarat lima hari itu dihadiri oleh pegawai-pegawai dari KKBS dan salah satu daripada wakil-wakil NGOs, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Banteras jenayah dan pesalah undang-undang

Berita dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Daerah Polis Brunei Muara Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bersama Agensi Penguatkuasa Undang-Undang yang terdiri dari Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan Operasi Bersepadu di kawasan tapak perindustrian perniagaan besi buruk di daerah ini.

Operasi yang telah mengambil masa kira-kira tiga jam itu melibatkan seramai 41 orang pegawai dan anggota penguat kuasa yang diketuai oleh Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara (Operasi), Penguasa Polis Mazalan bin Haji

Awang Yaakub.

Selain bertujuan mengambil langkah proaktif mencegah kejadian jenayah, operasi juga dihasratkan untuk mengesan kesalahan-kesalahan yang berhubung kait dengan perlesenan dan pendaftaran serta kebajikan pekerja-pekerja seperti tempat tinggal, gaji pekerja dan waktu rehat semasa menjalankan pekerjaan atau operasi harian.

Operasi Bersepadu tersebut telah menunjukkan hasil yang positif di mana beberapa kesalahan yang melanggar undang-undang telah dapat dikesan dan diambil tindakan seperti di bawah Akta Kastam, iaitu memiliki barang tegahan dan di bawah Akta Buruh dan Akta Peraturan Imigresen iaitu penyalahgunaan kuota dan pas pekerja.

Seramai dua orang warga asing telah ditahan atas kesalahan Akta Kastam,

manakala lima orang warga asing didapati menyalahi Akta Buruh, sementara tujuh orang warga asing telah didapati melanggar Akta dan Peraturan Imigresen.

Pihak polis juga telah membawa dan menahan empat orang lelaki warga India di Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan bagi membantu siasatan berhubung kesalahan menerima barang curi.

Dengan adanya Operasi Bersepadu itu dapat mengukuhkan kerjasama di antara agensi-agensi penguat kuasa undang-undang bagi menangani aktiviti yang melanggar undang-undang mahupun dari segi jenayah atau kesalahan-kesalahan bawah akta lain.

Usaha PDB bersama rakan-rakan strategik tersebut di harap akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa sebagai satu strategi jangka panjang pencegahan jenayah.



ANGGOTA polis bersama Agensi Penguatkuasa Undang-Undang dari Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), mengendalikan operasi bersepadu di salah sebuah tapak perindustrian perniagaan besi buruk di Daerah Brunei dan Muara.

Pelancaran perkhidmatan SMS Tabung Dana Pembinaan Masjid



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyempurnakan pelancaran perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.



Oleh : Mariani Haji Abd Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober.- Bagi memudahkan lagi orang ramai untuk menyumbang ke Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (TDBPM), satu lagi kaedah kutipan dilancarkan, iaitu melalui perkhidmatan SMS selama 45 hari yang bermula pada hari ini hingga hari Sabtu, 5 Disember 2015 depan.

Hadir menyempurnakan pelancaran majlis yang berlangsung di Dewan Multaqa, Lantai Bawah Bangunan Tambahan Baru, Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat, diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, selaku Ketua Urusetia TDBPM.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa sambutan dan sumbangan orang ramai terhadap TDBPM sangat menggalakkan dan beberapa mekanisme kutipan berjalan pada masa kini seperti meletakkan tabung-tabung dana di masjid-masjid, *online banking*, menyerahkan sumbangan terus ke Jabatan Hal Ehwal

Masjid, pemotongan gaji bagi pegawai dan kakitangan kerajaan dan Government Link Companies (GLC) dan beberapa lagi mekanisme kutipan yang telah digariskan.

Beliau menambah bahawa semua sumbangan yang diterima akan dimasukkan ke dalam akaun yang telah ditetapkan di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dan akan digunakan untuk membina masjid yang baru, membaik pulih dan menambah bangunan masjid serta keperluannya.

Juga hadir pada majlis itu ialah Ahli Lembaga Pengarah DST selaku wakil Syarikat DST, Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yussof dan Ahli Lembaga Pengarah Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB) selaku wakil PCSB, Dayang Normah binti Ahmad.

Seterusnya acara penghantaran sumbangan melalui SMS beramai-ramai oleh para hadirin. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Penubuhan TDBPM ini adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan

baginda ke Majlis Musabakah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi pada 11 Rejab 1436H bersamaan 30 April 2015M.

Orang ramai bolehlah mengambil peluang menyumbang seangkat-angkat hati melalui perkhidmatan SMS dengan menaip MASJID dengan diikuti 1 atau 5 atau 10 atau 20 tanpa jarak dan hantar ke 38111 bagi pengguna DST dan PCSB.



UCAPAN alu-aluan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Ketua Urusetia Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Rondaan tidak menemui perbuatan jenayah



RONDAAN pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh Balai Polis Berakas dan Balai Polis Pusat bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Lambak 'A'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - Rondaan pencegahan jenayah yang dijalankan oleh Balai Polis Berakas bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Lambak 'A' pada 21 Oktober 2015 lalu tidak mendapati sebarang kejadian mencurigakan.

Terdahulu, taklimat situasi jenayah di kampung tersebut diadakan bertempat di rumah Ketua Kampung Lambak 'A', Awang Haji Bujang bin Ahim.

Rondaan menumpukan di kawasan Kampung Terunjing dan sepanjang Jalan Pasir Berakas serta membuat tinjauan di tempat-tempat yang selalunya berlaku jenayah.

Rondaan yang bermula pada pukul 8.30 malam itu berakhir pada jam 10.40 malam.

Pada hari yang sama, Balai Polis Pusat juga mengadakan rondaan pencegahan jenayah bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Dato Gandhi.

Hadir semasa rondaan tersebut ialah Pegawai Penguasa Balai Polis Pusat, Penolong Penguasa Polis Awang Haji Naguib bin Dato Paduka Haji Ismail dan Ketua Kampung Dato Gandhi, Awang Haji Puteh bin Jakin bersama Pengawasan Kejiranan kampung tersebut.

Rondaan dimulakan pada jam 10.00 malam dan menumpukan kawasan jambatan Queen Elizabeth, Kampung Dato Gandhi dan rondaan berakhir pada jam 12.07 tengah malam.

Setem 70 tahun PBB dijual

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengeluarkan setem kenangan-kenangan sempena Ulang Tahun Ke-70 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang akan dijual di semua cawangan pos di semua daerah pada Sabtu ini.

Hari PBB diraikan pada setiap 24 Oktober setiap tahun.

Tahun ini PBB akan menyambut Ulang Tahun Penubuhannya yang Ke-70 yang akan diraikan di seluruh dunia bermula dari akar umbi hingga ke peringkat tertinggi.

Tujuan sambutan adalah untuk menyatukan semua negara ahli, masyarakat awam sedunia dan individu-individu bagi mencapai dunia yang lebih baik.

Bersempena tujuan tersebut slogan yang telah dipilih untuk memperingati pencapaian tersebut ialah 'PBB Mantap, Dunia yang Lebih Baik'.

Logo rasmi untuk Ulang Tahun Ke-70 PBB telah direka oleh PBB bagi kegunaan pada semua kegiatan dan program Ulang Tahun PBB.

Penggunaannya digalakkan untuk diprojek-projek khidmat komuniti pendidikan dan awam yang terkandung di dalam Piagam PBB, memaklumkan orang awam tentang peranan PBB di dunia moden dan meningkatkan perbincangan mengenai kebimbangan asas PBB setelah 70 Tahun Penubuhannya dan dunia mana ia terletak.

Negara Brunei Darussalam menyertai PBB pada 21 September 1984, peristiwa mengenai keahliannya merupakan pengiktirafan antarabangsa terhadap kemerdekaan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Ia juga merupakan peluang buat julung-julung kali Negara Brunei Darussalam untuk berinteraksi dengan negara-negara lain di Perhimpunan Agung PBB sebagai ahli terbaharu yang Ke-159.

Rombongan negara telah dipimpin oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

PBB telah membolehkan Negara Brunei Darussalam untuk menunjukkan komitmennya dalam memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa sama ada dekat rantau mahupun di luar rantau.

Keutamaan yang diberikan terhadap keamanan dan kestabilan itu terserlah melalui sumbangan Negara Brunei Darussalam dalam membekalkan anggota tenteranya kepada Pasukan Tentera Sementara PBB di Lubnan (UNIFIL).

Sebagai satu negara yang terus menikmati suasana aman dan stabil, ini adalah satu dari sumbangan pada keamanan sejagat.

Tahun 2015 adalah menandakan tahun sasaran bagi pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs), Negara Brunei Darussalam telahpun mencapai hampir kesemua sasaran MDGs dan piawaian negara di dalam pendidikan dan kesihatan adalah antara yang tertinggi dalam kalangan negara membangun.

Negara Brunei Darussalam telah berkerjasama dengan pelbagai agensi-agensi PBB seperti WHO, UNESCO, ICAO, UNEP dan UNDP dalam mencapai hasrat dan matlamat negara.

Negara Brunei Darussalam juga memandang ke hadapan dalam memperbaharui komitmennya bersama PBB dengan memastikan kebajikan rakyatnya dan melindungi persekitaran melalui 'Sustainable Development Goals' yang menjadi agenda pembangunan selepas 2015.

Peserta kursus terima sijil



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos ketika hadir selaku tetamu kehormat pada acara Penutup Kursus Risiko Keselamatan dan Ancaman Penilaian (Security Risk and Threat Assessment) bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan.

PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan menyampaikan sijil kepada seorang peserta kursus.

BERAKAS, Khamis, 22 Oktober. - Kursus Risiko Keselamatan dan Ancaman Penilaian (Security Risk and Threat Assessment) yang telah berlangsung sejak 19 Oktober lalu melabuhkan tirainya hari ini dengan majlis penutup dan diselajurkan dengan penyampaian sijil-sijil Kursus 'X-Ray Image Interpretation' kepada 25 peserta.

Penutupan rasmi kursus disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos pada majlis yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian

Perhubungan, di sini.

Terdahulu, wakil peserta kursus, Pengiran Anak Haji Hassanuddin bin Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abd. Wahab dalam ucapan ringkasnya antara lain menjelaskan manfaat yang diperoleh dari bengkel ini sangatlah berguna dan penting sebagai langkah berjaga-jaga jika terjadinya ancaman-ancaman yang tidak diinginkan.

Tambah beliau, faktor keselamatan perlu ditingkatkan bagi menjaga keamanan negara ini.

Kursus empat hari yang dianjurkan oleh Bahagian Sekuriti Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam itu

merupakan sebahagian daripada program jabatan untuk menggalakkan agensi untuk mengambil pendekatan yang lebih proaktif untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan terhadap ancaman-ancaman yang menyalahi undang-undang mengikut ICAO Annex 17 dan Program Keselamatan Penerbangan Awam Negara.

Kursus yang melibatkan peserta daripada gabungan pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan dan agensi sokongan itu telah dikendalikan oleh pengajar ICAO / IATA yang diperakui di peringkat global, yang merupakan pakar AVSEC (Keselamatan

Oleh : Hajah Norizan Mahal
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Penerbangan), Chris Bala.

Objektif kursus adalah untuk memastikan bahawa setiap jabatan dan agensi-agensi berkaitan dilengkapi sepenuhnya dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menjalankan ancaman keselamatan dan penilaian risiko untuk membolehkan mereka menggunakan langkah-langkah yang tepat pada masanya yang sesuai, untuk mengatasi ancaman atau risiko yang dikenal pasti. Ia juga menyediakan peserta dengan peluang untuk

mengamalkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan semasa dalam latihan.

Kementerian Perhubungan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi akan terus menyokong keselamatan dan program latihan yang berkaitan sumber manusia keselamatan seperti ini untuk mempromosikan kesedaran dan menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin dalam penerbangan awam

Tawaran hebat disediakan pada Pameran Perkahwinan



ANTARA pengunjung pada Pameran Perkahwinan Simply Sayang Edisi Ke-3 bertempat di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - Simply Sayang Enterprise dengan sokongan penuh Songket Wedding Event and Company menganjurkan Pameran Perkahwinan Simply Sayang Edisi Ke-3 bertempat di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel di ibu negara.

Pameran bagi para bakal pengantin yang akan menjadi raja dan ratu sehari itu menyediakan pelbagai perkhidmatan perkahwinan.

Pihak penganjur, Dayang Suzilawati binti Abd. Samat, iaitu Pengasas Simply Sayang Enterprise menjelaskan, tujuan utama pameran tersebut

dianjurkan adalah untuk mempromosikan perkhidmatan terbaru mereka, iaitu Pelamin Dewan dan juga Gubahan Hantaran Koleksi 2016.

Pada kali ini katanya, sebanyak 18 buah syarikat dan pengusaha menyertai bagi sama-sama memeriahkan lagi suasana pameran.

"Semoga dengan adanya pameran seperti ini para bakal pengantin akan mendapatkan maklumat terkini mengenai perkhidmatan perkahwinan supaya dapat merancang hari bahagia mereka dengan baik dan seterusnya memperoleh tawaran-

tawaran yang hebat," ujar Dayang Suzilawati.

Menyentuh mengenai sambutan dan respons daripada orang ramai, Dayang Suzilawati menyatakan pada pameran sebelum ini sambutan begitu bagus sekali dan diharap pada edisi kali ini orang ramai juga akan berkunjung ke pameran berkenaan bagi sama-sama menyaksikan pameran.

Selain pameran, tambahnya, terdapat juga para peniaga tempatan yang berniaga barangan pakaian seperti jubah dan tudung.

Bagi Dayang Jeanifah binti Haji Md. Yussof pula, ini bukan kali pertama beliau menyertai pameran seumpama ini.

Sebagai Pengurus dan Pereka Amadah Textile and Tailoring, selain penyediaan pakaian pengantin syarikatnya juga pada masa ini menyediakan perkhidmatan perancang perkahwinan (Wedding Planner), pelamin dan banyak lagi.

"Dengan menyertai pameran seumpama ini, ia boleh membantu syarikat kami juga para pengusaha tempatan yang lain untuk mempromosi perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di kedai kami. Kami juga mengadakan promosi hebat dengan harga yang berpatutan bagi bakal-bakal pengantin," tambah Dayang Jeanifah.

Acara dua hari itu berakhir pada 24 Oktober 2015.

PENGUSAHA yang mengikuti Pameran Perkahwinan Simply Sayang Edisi Ke-3



Hijrah minda bermula dari hati

Oleh: Aimi Sani
Foto: Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Awal Tahun Hijrah 1437 terus disemarakkan oleh agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan di negara ini.

Sehubungan itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), hari ini mengadakan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS yang dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Haji Ahmad Baihaki bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Taha selaku tetamu kehormat.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dibacakan oleh Ustaz Haji Abdul Halim bin Haji Fuad, disusuli dengan persembahan Tausyeh daripada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad Baihaki bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Taha hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437.

(SMALHB).

Kemuncak acara ialah ceramah khas

bertajuk 'Penghijrahan Minda'

disampaikan oleh penceramah dari

Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mail bin Haji Besar yang antara lain menyentuh mengenai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalama yang berusaha menghijrahkan minda orang-orang Arab yang mana tingkahlaku baginda kurang disenangi pada ketika itu.

Hijrah minda atau 'mindset' jelasnya, adalah sesuatu yang sukar untuk diubah yang mana semua perubahan itu haruslah bermula dari hati.

"Kehidupan yang baik di dunia ini akan membawa kehidupan yang baik juga di akhirat nanti. Dan bagi memenuhi tuntutan kehidupan yang cemerlang di akhirat nanti pula, urusan dunia perlulah dilaksanakan secemerlang mungkin.

Walaupun umat Islam di negara ini hidup dalam keadaan yang amat selesa dan tidak mengalami sebarang penindasan sebagaimana yang berlaku di zaman Nabi yang memerlukan mereka melakukan penghijrahan fizikal, ini tidak bermakna mereka tidak perlu belajar apa-apa daripada peristiwa hijrah ini memandangkan banyak pengajaran yang tersirat padanya.

Sebagaimana peristiwa hijrah itu telah mengangkat martabat dan tamadun Islam serta umatnya, maka umat Islam di negara ini juga perlu melakukan penghijrahan ke arah membentuk masyarakat hadhari, yang mampu mengungguli ketamadunan dunia berlandaskan nilai-nilai yang murni," terang Ustaz Awang Haji Mail.



CERAMAH Khas bertajuk 'Penghijrahan Minda' disampaikan oleh Penceramah Undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mail bin Haji Besar.



MAJLIS diserikan dengan persembahan tausyeh daripada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah.

DAYANG Umi Zaty Bazillah binti Zakaria, yang di lahirkan pada 12 Ogos 1993, merupakan seorang pelajar Tahun 2 di Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengambil jurusan Creative Art and Technology mempunyai kecintaan yang sangat luar biasa kepada seni. Baginya, seni itu sudah menjadi sebahagian daripada hidupnya dan dia tidak dapat membayangkan hidupnya tanpa seni.

Berusia 22 tahun dan merupakan anak pertama daripada dua orang adik-beradik ini mewarisi bakat dalam menghasilkan karya seni lukisan daripada ayahnya yang bekerja sebagai seorang guru Lukisan di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam. Seawal usianya masih muda beliau sering memerhatikan ayahnya melukis di kediaman mereka. Sebagaimana lazimnya, anak-anak kecil, dengan sifat ingin tahu dan ingin mencuba, pada usia 4 tahun, Dayang Umi Zaty Bazillah telah berjinak-jinak menggenggam sebatang berus dan dari situlah bermula kreativitinya dalam dunia seni.

Kecintaannya terhadap seni semakin mendalam apabila dia meningkat dewasa dan kini bakatnya bukan hanya terhad dalam menghasilkan seni yang berbentuk lukisan, tetapi juga menghasilkan seni berbentuk arca dan kaligrafi. Beliau juga pernah mereka dan membuat satu perabot yang mempunyai lebih daripada satu kegunaan. Perabot tersebut boleh digunakan sebagai sebuah meja, kerusi, sofa dan meja tempat menyimpan televisyen. Bukan hanya itu, ia juga boleh dijadikan menjadi sebuah katil dan almari tempat menyimpan barang-barang.

Beliau telah mula menjual hasil



SEBAHAGIAN dari hasil lukisan Dayang Umi Zaty Bazillah binti Zakaria (atas dan bawah).

Lukisan bawa rezeki kepada Umi Zaty Bazillah

Oleh :
Ili Rabi'atul 'Adawiyah binti Roslan
Foto : Ihsan Dayang Umi Zaty Bazillah binti Zakaria


karyanya kepada para penggemar seni melalui laman Instagram dan Facebooknya pada tahun 2013, walaupun beliau baru mula mempelajari lukisan potret pada tahun 2012, lukisan potretnya menjadi antara yang paling diminati oleh para pembelinya.

Pada awalnya, beliau hanya menjadikan melukis dan menghasilkan seni itu sebagai satu hobi untuknya mengisi masa lapang dan dia tidak pernah sekali pun terfikir untuk menjual hasil karyanya walaupun pada ketika itu sudah ramai orang menghampiri dengan niat untuk membeli lukisan-lukisannya. Beliau juga sering ditanya sama ada dia mahu mengambil upah sekiranya mereka memintanya untuk menghasilkan beberapa buah lukisan. Akan tetapi semua tawaran itu ditolak kerana pada masa itu, dia masih merasakan bahawa lukisannya dan hasil karyanya yang lain belum cukup bagus untuk dijual kepada orang.

Walaupun bagaimanapun, akhirnya beliau membuat keputusan untuk menjual saja hasil karyanya kepada mereka yang berminat selepas diyakinkan oleh ayahnya. Oleh kerana sokongan ayahnya yang tidak henti-henti, beliau pun mula yakin untuk menjadikan bakatnya itu sebagai satu dari sumber pendapatan sampingannya.

Setakat ini, Dayang Umi Zaty Bazillah sudah berjaya menjual lebih kurang 100 buah daripada hasil karyanya dan sudah memperolehi sekurang-kurangnya beberapa ribu ringgit Brunei dari hasil jualannya. Beliau masih ingat di mana pelanggannya Pengiran Hajah Masnah telah membeli lapan buah lukisan separuh abstrak yang memperlihatkan permandangan Kampong Ayer pada tahun 2013.

Turut pernah membeli hasil karya seni khatnya ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka



DAYANG Umi Zaty Bazillah binti Zakaria (dua dari kiri) bersama pelukis-pelukis luar negara bergambar dengan lukisan yang dipamerkan ketika menyertai pameran ASEAN and China Cultural Exchange yang berlangsung di Myanmar.

Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof.

Antara pembeli lainnya adalah Linda Galbriath, seorang penggemar mengumpul hasil seni yang berasal dari Australia. Beliau telah membeli sebuah lukisan kecil hasil lukisannya di Pameran Seni Gaza yang berlangsung di Giant, Rimba pada tahun lepas.

Dayang Umi Zaty Bazillah masih ingat apabila ditanya tentang hasil karyanya yang paling mula-mula sekali dijualnya suatu ketika dahulu. Katanya, pembeli pertamanya tidak lain dan tidak bukan, tetapi kawan rapatnya sendiri. Pada ketika itu, beliau baru berusia lapan tahun semasa dia berjaya menyiapkan sebuah arca yang diberinya nama 'Broken Hand Bandage'. Tambahnya lagi, arca tersebut memakan masa sehari-hari sebelum ia disiapkan sepenuhnya. Beliau turut menceritakan tentang bagaimana dia mendapat ilham untuk menghasilkan arca tersebut dengan menonton sebuah rancangan televisyen kegemarannya, iaitu 'Art Attack'.

MELUKIS POTRET

Selain menjual lukisan, beliau juga menerima tempahan daripada orang ramai yang mahu dilukiskan semula gambar-gambar mereka kepada versi potret dan sebagainya. Beliau

menetapkan harga mengikut berapa orang yang akan terkandung di dalam lukisan itu dan saiz lukisan yang dimahukan pelanggannya.

MENJEJAKI NEGARA LUAR

Sepanjang berkecimpung di dalam dunia seni, beliau sudah menjejakkan kaki ke beberapa buah negara apabila dia terpilih mempamerkan bahan lukisan di pameran seni untuk mewakili Negara Brunei Darussalam. Antara negara-negara itu ialah Jepun, Indonesia, Myanmar, China, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Beliau juga tidak ketinggalan menyertai pertandingan-pertandingan seni di dalam dan di luar negara sejak tahun 2008. Dia merupakan pemenang pertama di dalam satu pertandingan seni 'Unseen Art Competition' yang diadakan di UBD pada tahun 2012. Pada tahun yang sama, beliau merupakan antara sembilan orang pelukis tanah air yang terpilih untuk mempelajari cara penghasilan seni batik di Solo, Indonesia. Selain itu, beliau juga aktif melibatkan diri di dalam acara-acara berunsur kesenian yang lainnya.

Antara pameran-pameran seni yang pernah Umi sertai adalah 'Kaleidoscope Ropes in Veteran and Young Artist' di Muzium Brunei pada tahun 2011, Pameran Belia Ekspo Seni Kreatif dan Inovatif juga pada tahun 2011, Pameran Sentuhan Seni di Muzium Teknologi Brunei dan Pameran Seni Sambutan Hari Belia Ke-10 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun 2015.

"Melalui pengalaman saya yang bergiat aktif dalam dunia seni, ia telah menjadikan saya seorang yang sangat berkeyakinan dalam memperlihatkan hasil karya saya. Malah dari pengalaman itu, saya mendapati tidak ada istilah seni yang bagus atau tidak bagus di dalam sesebuah hasil seni kerana setiap dari mereka itu mempunyai keunikan dan kecantikan mereka sendiri."

Menurutnya lagi, segalanya adalah seni. Seni bukan sahaja terhad

kepada seni lukisan, nyanyian, tarian dan sebagainya, bahkan perilaku seseorang itu juga merupakan sebuah seni. Tambahnya lagi, jika kita melihat sesuatu itu secara kreatif, kita akan menyedari bahawa semua yang kita lakukan adalah seni. Cuma ia dilakukan dengan cara yang berbeza.

Sekarang beliau masih lagi didalam proses untuk mengenali bentuk-bentuk seni yang lain selain daripada seni lukis dan arca. Katanya, kalau boleh, dia ingin terus mencuba dan menguasai semua jenis seni yang ada di muka bumi ini, termasuklah seni pertahanan diri seperti silat dan juga seni fotografi dan videografi. Begitulah dalamnya kecintaan Dayang Umi Zaty Bazillah terhadap seni.


"Kalau mendapat kritikan, jadikannya ia sebagai pembakar semangat dan jangan mengambilnya secara negatif atau sesuatu yang mematahkan semangat. Dari kritikan-kritikan itulah kita boleh belajar macam mana caranya untuk memperbetulkan kekurangan kita," itu kata-kata dari Dayang Umi yang ditujukannya kepada mereka yang mungkin mempunyai bakat dalam seni, tetapi malu untuk keluar kerana takut akan kritikan.

"Kalau malu untuk menunjukkan hasil seni kamu kerana merasa ia belum cukup bagus, ingatkan semua orang pernah berada di situ. Kita semua bermula dari bawah, dan bagi saya, semua seni ini mempunyai keistimewaan sendiri," jelas Dayang Umi lagi.

Beliau sendiri pernah mengalami kritikan, bahkan ada orang yang menghampirinya dan berkata kepadanya, bahawa seni tidak akan membawa seorang itu ke mana-mana dan tidak akan ada masa depan yang baik."

Tetapi baginya, rezeki itu ada di mana-mana. Asalkan ia dari pendapatan yang halal, kita pasti akan berjaya di dalam kehidupan. Minat beliau terhadap seni tidak akan pernah padam.

"Kepada mereka di luar sana yang mempunyai minat di dalam seni dan masih belajar, teruskanlah lakukan apa yang kamu minat," tambahna.





هيندر كن دري بر صفة طمع

ماريله كيت منيغكتكن كنفوان كيت كغد الله سبحانه وتعالى دغن مقصودن:

فئوه كيقينن دان كإخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان منيغكتكن
سكل لاراغنن. مدهمدهان كيت منجادي إنسان يغ برلمان دان برتقوى
سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

درفد أنس بن مالك رضى الله عنه كاتن: رسول الله صلى الله عليه
وسلم برسيدا: ساندانن أنق آدم سوده ميليكي دوا لمبه أمس، مك دي اكن
ماهو انتوق برأوسها ميليكي لمبه يغ كتيك. فد حال مولوتن ايت تيدق اكن

فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الكهف آية ٤٦:

دافة منمقوغ اف فون سلاين دبو، الله اكن منربما توبة باكي اورغيغ ماهو

مسلمين يغ درحمي الله،

الحمد لله، برشكور كيت كحضرة الله سبحانه وتعالى يغ تله مليمفهن برتوبة.

هرت دان أنق فينق ايت إباله فرهياسن كهيدوفن دنيا دان عمان ٢

صالح يغ ككل ايت لبه بايك فهلائن ديسي توهنمو دان لبه بايك منجادي
هارفن انتوق كهيكيا هيدوف دآخرة.

سسغكوهن صفة طمع تله تربوقي بوله ميبكن مأنسي دتيمفا
كهنجوران دان مندافة كموركأن الله سبحانه وتعالى. سباكي جنتوه،

مسلمين يغ درحمي الله،

تيدق دافة دنافيكن فد حقيقتن مأنسي ايت سوك كغد هرت، اكن
تتافي أكام إسلام مغنجوركن أكر كيت برصفة زهد، برصفة قناعه دان
سدرهان دالم ميليكي هرت. كران صفة ترسبوت اكن مغوجودكن صفة
فموره، إخلاص، شكور دان تواضع ددالم هاتي كيت سهيغك كيت تيدق
ممتيغكن ديري سنديري دان سنتياس مغعملكن سيكف بنتو ممتنو.

سباكيما يغ ترمكوتوب دالم القرآن يايث قيصة قارون فد زمان نبي موسى
عليه السلام. أوله كران ترلالو بايق هرت دان بركواس، اي كغفور كغد الله

نعمة يغ بايق كغد كيت، انتاران نعمة رزقي. سباكي مأنسي كيت هندقله
سنتياس برشكور دان مراس جوكوف يايث برصفة قناعة دغن اف يغ
دانكرهكن الله سبحانه وتعالى كغد كيت. صفة قناعة هندقله دتائكن دالم
جيوا أكر كيت دافة منجاوهكن ديري كيت دري صفة طمع هلوبا، افته
لاكي سهيغك مغمبيل حق ميليك اورغ لاي.

سميغتن أكام إسلام مرميتنهكن أومتن انتوق منجاري رزقي باكي

كلغسوغن هيدوف مريك، إسلام جوك تيدق ملارغ أومتن انتوق مغومقول مطلق.

هرت ككيان دري رزقي يغ دفراولييهين ايت. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم
سورة القصص آية ٧٣:

تفسيرن:

إيغله، اقبيل صفة طمع برمهارجيللا دالم ديري سستورغ، اي اكن
مراس تيدق فرنه جوكوف دغن اف يغ دفراولييهين. اين اكن منجاديكن
سستورغ ايت سماكين طمع دان اكن جاييله صفة ٢ قناعة، شكور دان
سوك ممتنو دالم ديري سستورغ. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة
العاديات آية ٨ :

هيلغ فدومن دان فريمباغن اقبيل مغأغكف هرت ترسبوت ميليكن يغ
مطلق. هرت يغ بايق بوله سهاج ميسوغيكن مأنسي كغد كغفور نعمة دان
ممتيغكن ديري سنديري. جك مأنسي ايت ترلالو سايغكن هرت، مك اكن
تيمبول كرسهن دان كئاكوتن هرتن اكن هيلغ، تاكوت دجوري، تاكوت
درومقن دان برماجم ٢ لاكي، سهيغكاكن بوله ميبكن كصيحتنن تراباي يغ

أخيرن مباوا كمضرتن دان كينيسان كغد ديرين سنديري.

مقصودن:

دري أبو هريرة رضى الله عنه كاتن: اكو مندغر رسول الله صلى الله
عليه وسلم برسيدا: دالم سموا فركارا فد أنق آدم يغ اكن منجاديكن مريك
توا اد دوا فركارا: سوكاكن دنيا (طمعكن هرت) دان فنجغ أغن ٢.

مسلمين يغ درحمي الله،

دان سسغكوهن جيتان كغد هرت ساعة برلييهين.

مسلمين يغ درحمي الله،

أخيرن سام ٢له كيت موهن كحضرة الله سبحانه وتعالى أكر كيت
ترماسوق دالم كولوغن اورغيغ برصفة قناعة دان دجاوهكن دري برصفة طمع
كغد هرت ككيان سرت تيدق كدكوت انتوق برصدقه دان مغلواركن زكاة.

آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

دان اورغ ٢ يغ ميمغنن أمس دان فيرق يغ تيدق دكلواركن زكاتن
دان تيدق مبلنجاكنن فد جالن الله مك كمبيواله مريك دغن عذاب يغ
فديه.

سسغكوهن تيدق سموا ككيان دان كميواهن ايت مننجيكن
كهيكيا. سبايقن تردافة جوك مريك يغ هيدوف دالم سرب ككوراغن
هيدوفن تنغ دان بهكيا. اينله كرنيا دان نعمة يغ دانكرهكن اوله الله سبحانه
وتعالى كغد همبا ٢.

فرلو دايفغه، دالم حال هرت يغ كيت ميليكي ايت، كيت بوكنله
فمبيليك مطلق هرت ترسبوت، كران دالم هرت ايت تردافة حق اورغ لاي.
اوله يغ دمكين، إسلام مواجبكن كيت مغلواركن زكاة باكي هرت يغ تله
منوهي شرط ٢. كيت جوك دكالفكن انتوق برصدقه، بروقف دان ممتنو
اورغ ٢ يغ مملوكن بنتوان.

مسلمين يغ درحمي الله،

كهيدوفن دزمان اين يغ لبه ممتيغكن كبندان، واغ ريغكيت، فغكة
دان كميواهن بوله ممفغاروهي مأنسي كغد صفة طمع هلوبا دان سايغكن
هرت، يغ أخيرن اكن منيمبولكن صفة بخيل دان ممتيغكن ديري سنديري.
رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا دالم سبواه حديث:

Berangkat rasmi Pesta Konvo ITB dan Taman ISLE



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB) berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pesta Konvo Kedua 2015 ITB (atas dan bawah).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada warga ITB sejurus keberangkatan tiba di Kompleks Bangunan Fasa 3 ITB.



DYTM berkenan melawat dan disebarkan taklimat mengenai Taman ISLE (kiri dan tengah), sementara gambar kanan, bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman

Dari muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sejurus mengurniakan sabda perasmian pesta konvo, DYTM seterusnya menyaksikan tayangan multimedia dan dijunjung bagi merasmikan Taman 'Intellectually Stimulating Learning Environment' (ISLE), diikuti laungan takbir, 'Allahuakbar' sebanyak tiga kali dan kemudiannya berkenan berangkat melawat taman berkenaan sambil menerima sembah penerangan mengenai evolusi taman tersebut daripada wakil pelajar ITB.

Taman ISLE merupakan sebuah taman teknologi hijau dan salah satu inisiatif bagi merealisasikan cita-cita dalam Pelan Strategik ITB untuk menyediakan 'Vibrant Campus' yang mempunyai tiga bahagian utama iaitu Evolusi Taman ISLE, Inisiatif Hijau (Green Initiatives) dan Platform Pencipta (Inventors' Platform).

Kawasan Evolusi Taman ISLE mempamerkan proses pembinaan taman teknologi hijau secara berperingkat dan bahagian Inisiatif Hijau pula terdiri

dari pokok-pokok, herba serta tumbuhan hijau yang ditanam dalam usaha penajaan dan perkembangan bidang ilmu yang berkaitan.

Manakala Platform Pencipta pula ialah sebuah struktur yang mana mahasiswa dan mahasiswi dapat mengadakan perbincangan, pameran atau pembentangan berkaitan dengan projek-projek kreatif dan inovatif.

Selain tempat bagi pengembangan minda intelek, taman itu juga disediakan bagi meningkatkan keindahan dan keselesaan di dalam kampus dan sekali gus dihasratkan bagi meningkatkan produktiviti para mahasiswa dan mahasiswi ITB.

DYTM seterusnya mendengarkan sembah penerangan mengenai lawatan maya (*virtual tour*) Taman ISLE yang dikembangkan oleh salah seorang pelajar Ph.D ITB yang memenangi Anugerah BICTA 2015, iaitu Dayang Nurulhidayati binti Haji Mohd. Sani. Model Taman ISLE tiga dimensi itu menunjukkan bahagian-bahagian utama yang terdapat di taman tersebut.

Antara projek-projek lain yang dipamerkan semasa lawatan DYTM termasuklah Projek Solar Panel dan Solar

Table, Sensor-based Controlled Irrigation System Project, IOT (Internet Of Things) Controlled Water Sprinkler System, Recycled Materials Cycle Stand dan Projek Horizontal Axis Spiral Wind Turbine (HAWST).

Projek Solar Panel dan Solar Table ini merupakan projek kerjasama antara ITB dan Syarikat Tropica Solar Photovoltaic Company dan RAB Global Green Sdn. Bhd. di dalam teknologi tenaga suria.

Panel-panel suria tersebut boleh diolah bentuknya sesuai dengan tujuan para pengguna, sementara projek Sensor-based Controlled Irrigation System bertujuan bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan air melalui pemantauan kondisi tanaman dan pengairan secara automatik.

Projek IOT - Controlled Water Sprinkler System ialah sebuah sistem yang menggunakan teknologi yang menggabungkan sensor dan sistem penyiraman tanaman serta dikawal menggunakan sistem memproses mikro yang disambungkan melalui internet. Sistem itu boleh dikawal menggunakan komputer, telefon pintar atau *tablet* di mana-mana dan pada bila masa sahaja.

Sementara projek Recycled Materials Cycle Stand mempamerkan alat letak basikal tahan lasak dan mesra alam yang dibina menggunakan aluminium yang dikitar semula, manakala Projek HAWST direka dan dihasilkan menggunakan *spiral blade* agar sentiasa menjana tenaga elektrik menggunakan angin tanpa mengira arah angin.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima pesambah daripada Majlis Perwakilan Pelajar ITB dan seterusnya bergambar ramai serta menerima junjung ziarah daripada warga ITB.

Pesta tersebut disempenakan dengan Majlis Konvokesyen ITB pada tahun ini dan sebagai pembuka tirai bagi acara sampingan lain termasuk acara keagamaan, kemasyarakatan, riadah dan ilmiah yang disusun bagi memeriahkan konvokesyen kali ini termasuk Pesta Sukan (Sports Fiesta) 2015 dan Majlis Khatam Al-Qur'an pada 25 dan 28 Oktober ini.

Seramai 393 bakal graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ITB 2015 yang akan berlangsung pada hari Sabtu, 31 Oktober ini nanti.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM, Pro Canselor ITB berkenan bergambar ramai sejurus selepas merasmikan Pesta Konvo Kedua ITB.



DYTM ketika Doa Selamat dibacakan (kiri), sementara gambar kanan, DYTM berkenan menandatangani plak perasmian Taman ISLE.



DYTM berkenan meninjau dan disebarkan taklimat mengenai Taman ISLE (kiri dan atas).



Kunjungan perpisahan Atase Pertahanan Indonesia



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit menerima kunjungan perpisahan daripada Atase Pertahanan Indonesia, Kolonel Sun Suripto.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit menerima kunjungan perpisahan daripada Atase Pertahanan Indonesia, Kolonel Sun Suripto di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

Pada kunjungan tersebut, Kolonel Sun Suripto yang diiringi oleh Kolonel (CZI) Widiyanto mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi hubungan kerja yang baik yang telah dinikmati sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di Negara Brunei Darussalam sebagai Atase Pertahanan.

Dalam pada itu, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz turut mengucapkan terima kasih kepada Kolonel Sun Suripto bagi kerja-kerja dan perkhidmatan baik yang telah diberikan kepada Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Timbalan Menteri Pertahanan seterusnya berkata, Kementerian Pertahanan dan ABDB bersedia untuk bekerjasama bagi membina hubungan baik bagi kepentingan kedua-dua buah negara khususnya dalam bidang pertahanan.

Sementara itu, Atase Pertahanan Indonesia, Kolonel Sun Suripto juga mengadakan kunjungan perpisahan kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya

Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Semasa kunjungan tersebut, Pemerintah ABDB melahirkan kegembiraan bahawa kerjasama pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia terus kukuh dan mesra.

Yang Dimuliakan juga mengucapkan penghargaan kepada Kolonel Sun Suripto semasa beberapa tahun berkhidmat di Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan tersebut juga menyentuh mengenai pengukuhan berterusan hubungan pertahanan antara kedua-dua negara dan akan terus bekerja sama dalam bidang-bidang kemungkinan yang lain bagi kerjasama pertahanan.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah menerima kunjungan perpisahan daripada Atase Pertahanan Indonesia, Kolonel Sun Suripto.

Tingkat kesedaran kesihatan mental

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Forum Hari Kesihatan Mental Sedunia.

TUTONG, Khamis, 22 Oktober. - Meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental di dalam komuniti adalah merupakan salah satu inisiatif yang penting melalui program jangka pendek dan panjang untuk menyebarkan maklumat mengenai kesihatan mental.

Selain itu, ia juga merupakan satu kepentingan ke arah meningkatkan lagi kefahaman masyarakat serta orang ramai khusus agensi-agensi yang berkepentingan.

Dalam hubungan itu, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Psikiatri telah mengeluarkan Perintah Kesihatan Mental yang baru bulan November 2014 bagi menggantikan akta yang lama, iaitu 'Lunacy Act 1929' memfokuskan terhadap meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bukan sahaja kesihatan mental, tetapi juga penjagaan maruah dan kebajikan dalam kalangan rakyat yang mempunyai penyakit mental atau kecacatan mental.

Perintah baru ini memberi pengertian dan penerangan yang lebih

luas dan jelas mengenai apa yang dimaksudkan dengan kecacatan mental serta mengamalkan prinsip menggunakan rawatan yang sangat mementingkan autonomi, penjagaan hak asasi dan memberikan manfaat yang optimum kepada pesakit serta bersikap bertolak ansur dan adil tanpa diskriminasi.

Demikian ditekankan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa Majlis Forum sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Terdahulu, Awang Wardi menjelaskan, dalam era serba canggih dan berteknologi tinggi, informasi mengenai rawatan psikiatri yang moden mudah didapatkan di platform sosial dan elektronik.

Negara Brunei Darussalam, tambahnya juga, mempunyai rawatan yang komprehensif melibatkan ubat-ubatan, pemulihan dan pendidikan di mana jururawat

komuniti, ahli terapi pemulihan kerja, kaunselor, ahli keluarga dan pemimpin keagamaan turut memainkan peranan penting dalam pemulihan para pesakit.

Walaupun bagaimanapun, ujarnya, masih ada segelintir pihak yang kurang memahami tentang penghidap penyakit mental ini sehingga masih terdapat unsur-unsur penganiayaan, prejudis dan stigma terhadap pesakit yang berkecualan mental.

Ini telah menjadi penghalang kepada pemulihan optimum pesakit-pesakit berkenaan di mana stigma yang dimaksudkan tambahnya, adalah seperti, seorang individu yang tidak diberi peluang-peluang untuk memajukan diri hanya kerana beliau pesakit mental.

"Adalah difahamkan bahawa kesan stigma boleh mengakibatkan penurunan kualiti hidup yang ketara. Antaranya menyebabkan pengangguran, sokongan sosial yang lemah dan kurangnya harga diri. Malah pesakit yang merasa diri mereka yang tidak diterima masyarakat akan lebih berkemungkinan untuk tidak mendapatkan rawatan dan menjadi lemah semangat dan mengasingkan diri dan menolak daripada mendapat rawatan dan bantuan," jelas Awang Wardi.

Stigma, tambahnya, mampu diatasi dengan beberapa langkah mudah seperti mengenali, memahami dan membantah, iaitu mengenali bermaksud kita berusaha meluangkan masa bersama individu yang menghidapi penyakit mental dan ini amat penting untuk kita sentiasa menerima keadaan mereka dengan fikiran lebih terbuka.

Dari itu, untuk lebih memahami golongan yang menghidap penyakit ini, jelasnya, memerlukan masyarakat untuk mengadakan pendidikan yang lebih teratur seperti forum yang diadakan pada hari ini.

"Akhirnya kita haruslah bersatu membantah secara beramai-ramai stigma terhadap golongan ini melalui kempen-kempen dan kaedah-kaedah yang berkesan. Pemulihan seorang pesakit mampu dipercepatkan setelah masalah stigma diatasi dan memberikan sokongan padu," tambah

Pegawai Daerah Tutong.

Dalam ucapannya, Awang Wardi juga menyatakan, kesihatan mental adalah penting untuk membolehkan setiap individu menjalankan kehidupan seharian masing-masing dengan penuh tenang dan produktif.

Menurutnya, dalam menjalankan peranan sebagai ahli satu keluarga, satu organisasi, satu masyarakat kampung, dan secara umumnya sebagai ahli masyarakat seharusnya memberikan perhatian terhadap kesihatan mental selain daripada kesihatan fizikal atau jasmani.

Keseimbangan ini, jelasnya, adalah penting bagi mengekalkan kesihatan mental, di mana lazimnya bila kesihatan mental terganggu, barulah mereka sedar bahawa mereka memerlukan rawatan.

"Ini bertepatan dengan apa yang sering dikatakan, 'Tidak ada kesihatan tanpa Kesihatan Mental' atau dalam bahasa Inggeris, 'There is no health without Mental Health'," ujar beliau menambah.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi semasa menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Majlis Forum Hari Kesihatan Mental Sedunia 2015.



ANTARA yang hadir pada Majlis Forum Hari Kesihatan Mental Sedunia 2015 adalah pegawai-pegawai kerajaan dan swasta, serta penuntut-penuntut sekolah menengah di Daerah Tutong.

Perjumpaan Balai Polis Bangar bersama Pengerusi Pengawasan Kejiranan

BANGAR, Khamis, 22 Oktober. - Balai Polis Bangar telah mengadakan Perjumpaan Suku Ketiga Tahun bagi Tahun 2015 bersama ketua-ketua kampung termasuk pengerusi-pengerusi Pengawasan Kejiranan (PK) di Daerah Temburong.

Perjumpaan yang berlangsung di Dewan Utama Bumiputera, Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar, Temburong dihadiri oleh ketua-ketua cawangan di Daerah Temburong serta pegawai dari Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Pejabat Daerah Temburong.

Perjumpaan tersebut dimulakan dengan ucapan daripada Pegawai Penguasa Balai Polis Bangar, Penolong Penguasa Polis Pengiran Anak Azanuddin Aman Shah bin Pengiran Anak Ismail Al-Haj sebagai mengalu-alukan kehadiran para hadirin.

Taklimat dan penerangan mengenai perkembangan terkini PK di Daerah Temburong juga disampaikan pada perjumpaan itu.

Selain itu, laporan bilangan keahlian PK dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) khususnya pihak Balai Polis Bangar juga dikongsikan. Seterusnya, Pengerusi Majlis melaporkan perangkaan kes jenayah dan kesalahan lalu lintas sepanjang suku ketiga tahun 2015.

Amaran jenayah mengenai kes penipuan yang melibatkan penduduk negara ini sebagai mangsa juga dikongsikan dengan tujuan memperingatkan mereka yang hadir agar lebih waspada dan tidak mudah terjebak dengan tipu helah si pelaku jenayah berkenaan.

Pada masa yang sama, para hadirin juga diberi kesempatan untuk mengemukakan soalan dan berkongsi pandangan serta menyampaikan cadangan dalam usaha mengukuhkan gandingan penduduk dan masyarakat bersama PDB untuk memastikan kawasan kejiranan di kawasan masing-masing aman dan terjamin keselamatannya.



BALAI Polis Bangar mengadakan Perjumpaan Suku Tahun Ketiga bagi tahun 2015 bersama Ketua-Ketua Kampung termasuk Pengerusi-Pengerusi Pengawasan Kejiranan di Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Utama Bumiputera, Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar.

TechXpo 2015 tingkat kesedaran teknologi terkini

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SUASANA TechXpo 2015 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dari 23 hingga 25 Oktober lepas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - TechXpo 2015 merupakan ekspo teknologi Brunei yang mempamerkan teknologi terkini yang dihasilkan di dalam dan luar negara yang telah dirasmikan pada 22 Oktober lalu mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai yang mana pada sebelah petang lebih daripada 300 pengunjung berkunjung ke Pusat Persidangan Antarabangsa bagi menyaksikan pameran expo berkenaan.

Tujuan TechXpo 2015 tersebut diadakan adalah bagi memberi manfaat kepada orang awam dengan meningkatkan kesedaran mengenai teknologi terkini yang boleh didapati dan menawarkan produk-produk dengan harga yang eksklusif.

Dalam pada itu, Pelita Brunei dalam temu bual bersama pegawai dari Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), Awang Mohd. Herman bin Nassar menjelaskan mengenai beberapa perkara mengenai pengawalseliaan yang dilaksanakan oleh pihak AITI di bawah Unit Penyeliaan ke atas beberapa peralatan yang dikategorikan sebagai 'radio komunikasi' dan 'telekomunikasi'.

Antara barangan yang dikategorikan sebagai 'radio komunikasi' jelasnya

Negara Brunei Darussalam adalah selamat untuk digunakan, oleh demikian AITI sebagai pengawalselia bertanggungjawab memeriksa bagi memastikan produk-produk berkenaan mematuhi tata amalan dari segi teknikal dan standard (*inter-compatible* dan *inter-operability*).

Seterusnya Pelita Brunei dalam temu bual bersama Ms. Carol Ho, Business Development and Marketing, ITPSS Sdn. Bhd., menjelaskan, Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Brunei (BruCERT) Karnival adalah sebuah *booth* karnival *game* yang mengetengahkan informasi mengenai keselamatan maklumat dan keselamatan siber.

Jelasnya, karnival yang ditubuhkan oleh BruCERT menawarkan empat perlawanan gaya karnival yang mana masing-masing bertujuan untuk mengajar para pemain tentang sesuatu pengajaran yang sangat penting seperti permainan 'The Dumpster' yang mengajar orang ramai untuk berhati-hati apabila membuang dokumen mereka, kerana beberapa dokumen seperti bil atau resit yang mengandungi maklumat peribadi yang sensitif boleh sahaja digunakan penjenayah untuk *identity-thieve* (pemalsuan identiti) atau penipuan.

Pengunjung juga terangnya, boleh mendapatkan satu pekhidmatan *Social Media Checkup* untuk membincangkan sama ada mereka menggunakan media sosial dengan selamat ataupun sebaliknya, melalui pemeriksaan ini bertujuan untuk menghalang orang ramai dari menjadi mangsa pemalsuan identiti, *cyber-bullying*, *online grooming* or *online blackmail* (penggugutan dalam talian).

Di samping itu, permainan 'Think Before You Post' pula merupakan satu lagi aktiviti yang mengetengahkan mengenai isu terlebih berkongsi maklumat peribadi dalam talian, manakala permainan 'Password Challenge' pula menggalakkan orang ramai untuk mencipta kata laluan yang kukuh yang sukar untuk diretak, tetapi mudah bagi pengguna untuk ingat.

Pada akhir karnival ini terangnya, peserta yang berjaya mencipta kata laluan yang kuat akan memenangi GoPro HERO4 Session dan pemenangnya akan diumumkan pada media sosial BruCERT di Instagram dan Facebook.

Selain itu, peserta yang mengambil

bahagian dalam mana-mana permainan di BruCERT Karnival adalah percuma, dan pengunjung juga akan mendapat hadiah untuk setiap aktiviti yang disertai, dan karnival mula dibukakan dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari sehingga hari Ahad, 25 Oktober 2015.

Karnival ini merupakan salah satu dari inisiatif kesedaran awam yang dijalankan oleh BruCERT, di samping mereka juga mengadakan ceramah di sekolah-sekolah di seluruh negara dan menghasilkan *Cyber Safe radio show* antara lain di rangkaian Pilihan FM dan bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keselamatan dalam talian ini, sila layari www.SecureVerifyConnect.info.

Kira-kira 150 penyertaan terdiri daripada beberapa agensi seperti e-Darussalam, pengambilan PSC, Jobcentre Brunei, Bru-HIMS, Talian Darussalam 123, Pendaftar Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, GeoPortal, e-Sikap, Penomboran Rumah, WX online JPD Brunei, iFlyBrunei menyertai TechXpo berkenaan.

Ekspo yang akan berakhir pada hari Ahad, 25 Oktober 2015 lepas turut menampilkan beberapa *vendor* tempatan dan antarabangsa.

Kementerian Perhubungan selaku pendukung ekspo berkenaan juga mempamerkan perkembangan dan inisiatif dasar yang menyokong visi dan misi ke arah masyarakat SMART dengan menyediakan kemudahan

teknologi dan ketersediaan perkhidmatan dalam talian di mana sahaja, bila-bila masa sahaja untuk kemudahan awam.

Kementerian Perhubungan juga mempamerkan perkhidmatan selain dari yang ditawarkan melalui gov.bn talian seperti *Mail Track* Jabatan Perkhidmatan Pos dan sistem Trace; aplikasi yang boleh dimuat turun seperti yang ditawarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (SiKAP), Jabatan Meteorologi (Brunei WX dan MCX Crowd), Jabatan Penerbangan Awam (iFlyBrunei) dan juga perkhidmatan dalam talian lain yang tersedia melalui laman sesawang jabatan masing-masing.

TechXpo 2015 juga memberikan peluang kepada orang ramai untuk mengambil bahagian dalam aktiviti dan acara dan berpeluang untuk memenangi banyak hadiah menarik dan orang ramai juga berpeluang untuk menorkai dunia 3D pilihan mereka dengan bermain permainan realiti maya.

Selain itu, mereka juga boleh menyertai cabutan bertuah dan pertandingan foto Instragam di mana mereka boleh mendapat peluang untuk memenangi hadiah-hadiah yang terdiri daripada wang tunai dan barangan eksklusif TechXpo.

Ekspo ini dianjurkan oleh Federasi Infocom Brunei (IFB), yang diusahakan bersama oleh D'Sunlit Sdn. Bhd. dan disokong oleh Kementerian Perhubungan dan AITI.



MS. Carol Ho, Business Development and Marketing, ITPSS Sdn. Bhd. (kiri) dan Awang Mohd. Herman bin Nassar dari AITI (kanan) ketika ditemu bual.



Tingkatkan pembangunan sosial pelajar Pusat Ehsan



WAKIL dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menyampaikan sijil penghargaan kepada Pengurus Taman Permainan Salji Freshco.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - Seramai 20 lebih pelajar dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam diberikan peluang untuk bermain salji secara percuma semasa mengadakan lawatan ke Freshco Time Square Berakas.

Mereka disertai oleh para penjaga, sukarelawan dan guru-guru pusat tersebut.

Kumpulan pelajar tersebut dialu-alukan oleh pegawai dan kakitangan Freshco dan dibawa melawat ke tempat permainan sebelum

dibenarkan untuk bermain.

Lawatan tersebut merupakan salah satu dari program aktiviti suku tahun untuk melibatkan pelajar kepada pelbagai aktiviti luar bersama masyarakat bagi memperoleh pengalaman dan meningkatkan pembelajaran serta pembangunan sosial di pelbagai tempat di negara ini.

Selain itu, lawatan juga bertujuan untuk menggalakkan interaksi sosial dan permainan imigantif bagi meningkatkan atau membangun kreativiti pelajar dengan membina figura ais, di samping membolehkan mereka merasakan suhu sejuk sebagai salah satu eksplorasi deria.

Pihak Pusat Ehsan Al-Ammerah Al-Hajjah Maryam melahirkan setinggi penghargaan kepada Pengurus Taman Permainan Salji Freshco di atas kemurahan hati syarikat berkenaan memberikan peluang kepada pelajar-pelajar, pegawai-pegawai dan ibu bapa sebagai salah satu daripada program kesedaran komuniti pusat.



PELAJAR-PELAJAR dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam diberikan peluang untuk bermain salji secara percuma semasa mengadakan lawatan ke Freshco Time Square Berakas (atas kanan dan kanan).

Kanser payudara punca utama kematian wanita



TAKLIMAT mencegah Kanser Payudara bagi isteri-isteri Duta Besar dan Suruhajaya Tinggi di rumah kediaman Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Kampung Sungai Hanching.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

SUNGAI HANCHING, Khamis, 22 Oktober. - Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Negara Brunei Darussalam mengadakan taklimat mencegah Kanser Payudara bagi isteri-isteri Duta Besar dan Suruhanjaya Tinggi di Rumah Kediaman Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Kampung Sungai Hanching.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan taklimat ringkas oleh Dr. Tahmina Hye dan Dr. Shyija.

Kanser Payudara adalah antara jenis penyakit kanser yang menjadi punca utama kematian dalam kalangan wanita di seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam.

Antara taklimat tersebut menjelaskan bahawa Kanser Payudara boleh terjadi pada setiap peringkat umur dan risikonya meningkat dengan peningkatan usia, di mana kes termuda

yang pernah dicatatkan di negara ini ialah berumur 18 tahun.

Antara tanda-tanda kanser ini tambahnya ialah bengkak, sakit pada bahagian puting, kemerahan, gatal-gatal serta keluar cecair atau lelehan selain susu ibu.

Kanser Payudara dapat dicegah, iaitu dengan pengesanan awal dan menghindari faktor-faktor risikonya.

Kanser Payudara dapat dikesan dengan membuat pemeriksaan sendiri payudara, pemeriksaan klinikal payudara, membuat pemeriksaan mammogram, Fine Needle Aspiration Cytology (FNAC) serta pemeriksaan 'genetic' (ujian darah).

Selain itu, pengamalan cara hidup sihat seperti makan pada waktunya dengan pengambilan makanan yang sihat serta melakukan aktiviti fizikal selama sejam setiap hari boleh mencegah kepada berlakunya kanser ini.



KANSER Payudara dapat dikesan dengan membuat pemeriksaan sendiri payudara, pemeriksaan klinikal payudara, membuat pemeriksaan mammogram, Fine Needle Aspiration Cytology (FNAC) serta pemeriksaan genetic (ujian darah) (atas).

ANTARA yang hadir mendengar taklimat ringkas oleh Dr. Tahmina Hye dan Dr. Shyija (kanan).



RALAT

Merujuk Pelita Brunei, edisi Rabu, bertarikh 21 Oktober 2015, dalam muka surat 17 bertajuk 'Tinjau pelaksanaan peperiksaan PSR', Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Perhubungan Awam telah membetulkan Siaran Akhbar berkenaan, yang sebetulnya disebut sebagai "Katanya, usaha Kementerian tersebut adalah sebagai menjunjung dan mendukung hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Masihi, 2015 dengan sekurang-kurangnya 90 peratus para pelajar memperoleh Gred 'A' - 'C' dalam PSR tahun 2017. "

RUMUSAN BARANG KEPERLUAN HARIN MINGGU KE-EMPAT 26HB OKTOBER 2015

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	PERTAMA JAYA DEPT.STORE	WARISAN UTAMAJAYA	HUA HO (TG BUNUT)	SIM KIM HUAT (KIULAP)	JAYA HYPERMARKET (GADONG)	MILIMEWAH (KUALA BELAIT)
1	Condensed Milk (Susu Manis Pekat)							
	F&N	390 g	-	\$1.00	\$1.05	\$0.99	\$1.00	\$1.05
	Milkmaid	388 g	-	-	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.25
	Teapot	388 g	\$1.15	\$1.00	-	-	-	-
2	Evaporated Milk (Susu Cair)							
	Cow Bell	400 g	\$1.10	\$0.95	\$1.05	\$0.99	\$1.05	\$1.10
	F&N	400 g	\$1.20	\$1.15	\$1.20	\$1.05	\$1.15	\$1.15
	Ideal	405 g	\$1.30	\$1.45	\$1.45	\$1.39	\$1.39	\$1.45
3	Flour (Tepong)							
	Prima Plain	1 kg	\$2.30	\$2.15	\$2.45	\$2.05	\$2.10	\$2.15
	Green SP Interflour	1 kg	-	-	\$1.40	\$1.29	\$1.35	\$1.30
4	Butter/Margarine							
	Golden Churn	340 g	\$4.95	\$4.70	\$4.90	-	\$4.80	\$4.60
	QBB	454 g	-	\$6.90	\$6.90	\$7.20	\$6.90	\$6.20
	Planta Margarine	480 g	\$3.35	\$3.40	\$3.55	\$3.39	\$3.55	\$3.50
5	Instant Noodles							
	Maggi Curry	80g x 5	\$1.85	\$1.59	\$1.65	\$1.49	\$1.59	\$1.60
	Maggi Ayam	80g x 5	\$1.85	\$1.59	\$1.65	\$1.49	\$1.59	\$1.60
	Maggi Asam	80g x 5	\$2.10	\$1.95	\$2.10	-	\$1.95	\$2.00
	Indo Food Mee Goreng	80g x 5	\$1.80	\$1.70	\$1.70	\$1.59	\$1.69	\$1.65
	Indo Mie Mee Goreng	80g x 5	\$1.40	\$1.30	\$1.45	\$1.29	\$1.35	\$1.40
6	Dried Noodles							
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong	150 g	-	\$1.90	\$0.60	\$0.45	\$0.45	\$0.50
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah	400 g	-	\$1.80	-	\$1.90	\$1.80	\$1.90
	Cap Limau Mee Hoon	400 g	\$1.10	\$1.05	\$1.10	\$0.99	\$1.15	\$1.10
	Wai Wai Oriental Style	400 g	\$1.40	\$1.20	\$1.05	\$1.30	\$1.09	\$1.50
7	Fresh Chicken (Ayam Segar)							
	Whole Chicken (Bulat)	1 kg	\$4.50	\$4.35	\$4.50	-	\$4.39	-
	Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	\$6.80	\$6.20	\$6.20	-	\$6.50	-
	Chicken Breasts (Dada)	1 kg	\$3.90	\$3.49	\$3.90	-	\$4.09	-
	Chicken Wings (Sayap)	1 kg	\$7.80	\$6.99	\$7.90	-	\$7.59	-
8	Chicken Eggs (Telor Ayam)							
	1 Dozen (Size)	1 doz	\$2.10	\$2.20	\$2.00	-	-	-
	1 Tray (30 biji) (Size)	1 tray	\$6.00	\$5.99	\$5.80	-	\$6.29	-
9	Onions (Bawang)							
	Shallot (Bawang Merah)	1 kg	-	\$2.89	\$4.00	-	\$3.60	-
	Garlic (Bawang Putih)	1 kg	-	\$2.39	\$1.80	-	\$2.99	-
	Brown Onion (Bawang Besar)	1 kg	-	\$1.35	\$1.60	-	\$0.99	-
10	Cooking Oil (Minyak Masak)							
	Mazola Corn	3 kg	\$16.80	-	\$16.35	\$15.75	\$16.40	\$12.80
	Naturel Sunflower	3 kg	-	\$10.70	\$10.80	\$11.75	\$10.80	-
	Labour	2 kg	\$4.60	-	-	\$4.39	\$3.99	\$4.30
	Labour	5 kg	\$9.50	-	\$10.80	\$9.79	\$9.69	\$9.90
	Seri Murni	2 kg	\$4.40	-	\$3.60	\$3.55	\$3.29	\$3.69
	Seri Murni	5 kg	\$9.90	\$8.30	\$7.90	\$7.99	\$8.29	\$8.30
	Sunco	2 ltr	\$4.10	\$4.10	\$4.10	\$3.99	\$3.99	\$4.15
	Sunco	5 ltr	\$9.85	\$9.70	\$9.50	\$9.29	\$9.09	\$9.50
	Sania	2 ltr	\$3.85	\$3.70	\$3.85	-	-	\$3.85
	Sania	5 ltr	-	\$7.90	-	-	\$7.80	\$7.90
11	Milo (Malaysia)							
	Nestle Milo	1 kg	\$7.90	-	\$7.90	\$7.49	\$6.99	\$7.59
	Nestle Milo	1.5 kg	\$12.80	\$7.50	\$12.40	\$14.99	\$11.99	\$12.40
12	Cordial Syrups							
	F&N Sun Valley Grenadine	2 lit	-	\$4.05	\$4.50	\$4.60	-	\$4.80
	F&N Sun Valley Rose	2 lit	-	-	-	\$4.95	-	\$4.80
	F&N Sun Valley Sarsi	2 lit	-	\$4.05	\$4.50	\$4.60	-	\$4.80
	Ria Kordial Rose	2 lit	-	\$4.55	\$4.60	\$4.49	\$4.59	\$4.80
	Ria Kordial Sarsi	2 lit	-	\$4.55	\$4.60	\$4.49	\$4.59	\$4.80
	Rose Brand Rose Syrup Flavour	750 ml	-	\$3.60	\$4.05	\$3.79	\$3.49	\$4.80
13	Sauces (Sos)							
	Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$3.60	\$2.99	\$3.60	\$2.99	\$2.80	\$3.20
	Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$3.80	\$3.10	\$3.55	\$3.05	\$2.99	\$3.40
	Maggi Cilli Sauce	340 gm	\$1.15	\$1.05	\$1.20	\$1.09	\$1.05	\$1.10

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	PERTAMA JAYA DEPT.STORE	WARISAN UTAMAJAYA	HUA HO (TG BUNUT)	SIM KIM HUAT (KIULAP)	JAYA HYPERMARKET (GADONG)	MILIMEWAH (KUALA BELAIT)
	Maggi Tomato Ketchup	325 gm	\$1.10	\$0.95	\$1.05	\$0.99	\$0.99	\$1.00
	Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$2.30	\$2.15	\$2.30	\$2.35	\$1.99	\$2.30
	Nona Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$2.10	\$2.30	\$2.10	\$1.95	\$2.10	\$2.40
14	Mayonnaise							
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	230 ml	\$2.80	\$2.60	\$2.70	\$2.60	\$2.80	\$2.70
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	470 ml	\$4.60	\$4.40	\$4.55	\$4.29	\$4.60	\$4.60
15	Infant Diapers							
	Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up t0 5 kg)	NB 28	\$7.50	\$12.90	\$7.15	\$7.50	-	-
	Drypers Small (3-7 kg)	S 32	\$7.50	\$7.30	\$7.15	\$7.50	-	-
	Drypers Medium (6-11 kg)	M 28	\$7.50	\$7.30	\$7.15	\$7.50	-	-
	Drypers Large (9-14 kg)	L 44	-	\$12.90	\$12.70	\$12.39	\$12.90	\$12.90
	Drypers Extra Large (12-17 kg)	XL 36	-	-	\$12.70	\$12.39	\$12.90	\$17.90
	Drypers Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 16	\$7.50	\$7.30	\$7.15	\$7.50	-	\$7.50
	Mamy Poko - Newborn (Up t0 5 kg)	NB 28+2	-	-	-	-	-	-
	Mamy Poko Small (3-8 kg)	S 44	-	\$16.00	\$15.80	\$15.90	\$14.70	-
	Mamy Poko Medium (6-11 kg)	M 40	\$16.95	-	\$15.80	\$15.90	\$14.70	\$16.90
	Mamy Poko Large (9-14 kg)	L 34	-	-	\$15.80	-	\$14.70	\$16.90
	Mamy Poko Extra Large (12-17 kg)	XL 30	-	\$12.60	\$15.80	-	\$14.70	-
	Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$16.95	\$13.50	\$15.80	\$15.90	\$14.70	-
	Sealer Newborn (Up t0 5 kg)	NB 48	\$8.30	\$8.80	\$7.60	-	-	\$7.90
	Sealer Small (3-7 kg)	S 62	-	-	\$13.60	-	-	-
	Sealer Medium (6-11 kg)	M 56	-	\$14.80	\$14.70	-	-	-
	Sealer Large (9-14 kg)	L 50	-	\$13.80	\$14.70	-	-	-
	Sealer Extra Large (12 kg above)	XL 44	-	\$14.80	\$14.70	-	-	-
	Sealer Sumo Extra Large (15kg above)	XXL 28	-	-	-	-	-	-
	EQ Dry- Newborn (Up t0 5 kg)	NB 20/22	-	-	-	-	-	\$3.80
	EQ Dry Small (3-7 kg)	S 40	-	-	\$7.80	\$7.50	-	\$7.50
	EQ Dry Medium (6-11 kg)	M 36	-	-	\$7.80	\$7.50	-	\$7.50
	EQ Dry Large (9-14 kg)	L 48	-	\$10.40	\$10.55	\$10.95	-	\$11.00
	EQ Dry Extra Large (12-17 kg)	XL 42	-	\$10.40	\$10.55	\$10.95	-	\$11.90
	EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$8.80	-	\$9.10	\$8.70	\$8.99	\$8.90
16	Frozen							
	BMC - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.30	\$2.85	\$2.15	-	\$1.99	\$2.30
	Ayamas - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.70	\$2.50	\$2.65	\$2.39	\$2.70	\$2.70
	BIFFI Chicken Frankfurters	340 g	-	-	-	-	-	\$1.55
	BMC - Nuggets	1 kg	\$3.90	\$6.95	\$5.80	\$6.05	\$6.20	\$6.80
	Ayamas - Crispy Nuggets	850 g	\$8.80	\$8.20	\$8.95	\$7.90	\$8.99	\$8.90
	FARM'S Best Chicken Nuggets	850 g	-	\$7.25	\$5.60	-	\$5.60	\$8.00
	BMC - Chicken Burger	900 g	\$6.90	\$5.50	\$6.45	-	\$7.50	\$7.40
	PDS - Chicken Burger	900 g	-	-	-	-	-	-
	BMC - Beef Burger	900 g	\$7.50	\$7.20	\$7.20	\$6.19	\$6.10	\$7.20
	PDS - Beef Burger	900 g	\$7.60	\$7.25	\$7.85	\$6.70	\$7.90	-
17	Canned Preserved Food							
	Yeo's Chicken Curry	145 g	\$1.50	\$1.50	\$1.60	\$1.50	\$1.55	\$1.60
	Rex Chicken Curry	160 g	\$1.60	-	\$1.60	\$1.50	\$1.60	\$1.60
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall	230 g	\$2.30	\$2.15	\$2.40	-	\$2.40	\$2.40
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval	215 g	\$2.40	\$2.35	\$2.45	\$1.75	\$2.40	\$2.50
	Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili	40 g	\$1.20	\$1.10	\$1.15	\$1.05	\$0.99	\$1.10
	Smiling Fish Crispy Baby Clam	30 g	\$1.15	\$1.15	\$1.15	\$0.99	\$1.15	\$1.20
	Kara Natural Coconut Extract	200 ml	\$1.10	-	\$1.20	\$1.00	\$1.10	-
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet	200 ml	\$1.10	-	\$1.10	\$1.70	\$0.95	\$1.10
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin	270 ml	\$1.85	\$1.65	\$1.80	\$1.45	\$1.65	\$1.80
	Chakoah Coconut Milk Gata	400 ml	\$1.65	\$1.60	\$1.75	\$1.55	\$1.49	\$1.60
	Babu Kitchen Coconut Milk Indo	400 ml	\$1.80	\$1.55	\$1.80	-	\$1.80	\$1.80
18	Kaya Spread							
	Habhal's Cap Kipas Udang Sri Kaya	240 g	\$2.00	\$1.85	\$2.15	\$1.99	\$2.10	\$2.10
	Nona Kaya dengan telur Omega	180 g	-	\$1.35	\$1.35	\$1.40	-	\$1.40
	Play Basketball since 1965 S'pore	200 g	-	\$0.90	\$0.95	-	-	\$2.00
	Glory Nyonya Kaya Coconut Jam	250 g	-	-	\$1.80	-	-	-
19	Detergents							
	Ekonomi Handalan Putih Kekal Baru	2.5 kg	-	-	-	-	-	-
	DAIA Excellent Washing Powder	2.5 kg	-	\$6.00	\$6.15	\$6.20	\$6.39	\$6.20
	Dynamo Liquid Detergent	1 kg	-	\$3.60	\$3.50	\$3.95	\$3.85	\$3.60
	Breeze Liquid Detergent	2000 ml	-	-	-	\$5.90	\$5.99	\$6.20
	Clorox Liquid Bleach	1 lit	\$1.90	\$1.95	\$1.80	\$1.95	\$1.80	\$2.00
	Cocorex Liquid Bleach	1 lit	\$1.80	\$1.60	\$1.60	\$1.70	\$1.60	\$1.60

*Harga barang tertakluk kepada stok



PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN
'TENDER NOTICE'

**BILANGAN TAWARAN / TENDER
REFERENCE : 10/2015/KKBS/PPB/16
TAJUK TAWARAN / TENDER TITLE :
TAWARAN
UNTUK MENGENDALI KURSUS PEMANDU
JENTERA BERAT (PROGRAM SINGKAT)
PUSAT PEMBANGUNAN BELIA,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN, JALAN UTAMA TANAH JAMBU,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. Tawaran dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai pengalaman dan berkemahiran dalam urusan pengendalian Kursus Pemandu Jentera Berat serta pengendali kursus / sekolah memandu hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan.

2. Syarikat-syarikat / pemborong yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110, Negara Brunei Darussalam

4. Yuran tawaran adalah BND10.00 (Ringgit : Sepuluh Ringgit) sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat / pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bone-fide tender*).

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran berkenaan tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di:

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(Depan kaunter sekuriti)**

**Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Selasa,

03 November 2015.

7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari Isnin, 02 November 2015, jam 4.00 Petang.

9. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa syarikat / pemborong adalah di dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan serta (*Business Enactment Section 16 dan 17*) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisi dengan penuh. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

11. Syarikat / pemborong adalah disarankan membuat lawatan ke Pusat pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam pada hari dan waktu bekerja.

12. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Latihan di talian 2393681 sambungan 717 atau Pengajar Teknik Kanan di talian 2393681 sambungan 741, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

13. Setiap borang tawaran yang telah disikan dengan lengkap hendaklah disertakan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 9) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 4).

14. Setiap penyertaan hendaklah menghadapkan dokumen yang lengkap mengenai cadangan pengendalian kursus termasuk mengistiharkan senarai nama-nama pelaksana / fasilitator, sekolah memandu yang berdaftar dengan JPD, keterangan program kursus, *scheduled work programmed* dan semua isi kandung kursus-kursus yang akan dikendalikan. Kegagalan berbuat demikian membolehkan tawaran tidak disokong.

15. Keterangan sub kontraktor / pengendali kursus yang terlibat semasa kursus hendaklah diberikan surat deklarasi kerjasama/notis secara bersurat yang dihantar bersama-sama dokumen tawaran ini.

16. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

